



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



BANI 2024 PERTANIAN

LAPORAN INTERIM
TANAMAN LAIN





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN INTERIM BANCI PERTANIAN 2024

TANAMAN LAIN

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook/ X / Instagram : StatsMalaysia
E-mel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Harga : RM70.00

Diterbitkan pada Mei 2025

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

ISBN 978-967-253-718-2

KATA PENGANTAR

Laporan Interim Banci Pertanian 2024: Tanaman Lain membentangkan parameter Tanaman Lain di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini mengandungi maklumat profil pegangan pertanian meliputi individu dan pertubuhan serta penemuan parameter banci bagi Tanaman Lain.

Penyusunan parameter ini merujuk kepada manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menyarankan negara supaya melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Malaysia merupakan antara negara yang melaksanakan Banci Pertanian pada tahun 2024 bagi tahun rujukan 2023.

Dalam menghasilkan profil dan parameter pertanian melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan pemegang taruh iaitu Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan, Kementerian Perladangan & Komoditi, Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam dan Kerajaan Negeri telah terjalin erat bagi menjamin integriti data.

Penerbitan ini memaparkan ringkasan penemuan keseluruhan pengeluaran Tanaman Lain dan jadual parameter terperinci merangkumi keluasan bertanam, keluasan berhasil, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan & nilai jualan. Manakala, nota teknikal menerangkan konsep & definisi dan kata singkatan bagi memudahkan pengguna memahami parameter yang diterbitkan.

Semoga parameter dalam penerbitan ini dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar, pemantauan serta penilaian keberkesanan program pembangunan pertanian negara. Sementara itu, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu boleh menggunakan parameter ini dalam analisis serta penyelidikan sosial dan ekonomi.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Merangkap Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024

Mei 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.




**BANCI PERTANIAN
2024**

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

BANCI PERTANIAN 2024

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2016 hingga 2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Kementerian Ekonomi melaksanakan Banci Pertanian 2024. Tadbir urus Banci Pertanian 2024 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci serta melibatkan pelbagai agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri iaitu Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Penguasa Daerah. Selain itu hampir tujuh ribu orang terdiri daripada Penyelia dan Pembanci telah dilantik bagi sepanjang tempoh pelaksanaan banci.



Ahli Jawatankuasa Pemandu Banci:

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara
 Pengerusi Ganti : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 Jabatan Perkhidmatan Awam

Ahli:

- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
- Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- Ketua Perangkawan Malaysia
- Setiausaha Kerajaan Negeri

Operasi Banci Pertanian 2024 telah bermula pada 7 Julai 2024 dan tamat pada 31 Oktober 2024. Banci ini telah melalui proses transformasi dengan penggunaan ICT yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui sistem MyAgriCensus.

Outcome Banci Pertanian 2024 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baharu bagi sektor pertanian negara. Maklumat yang berintegriti dan *reliable* digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berasaskan bukti untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *blueprint* pembangunan negara. Satu platform khas iaitu Sistem Integrasi Digital Pangkalan Data Pertanian Bersepadu, TaniStats telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks. TaniStats akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber dan platform ini menyokong pembangunan dasar yang berasaskan data (*data-driven policy*), mempercepat proses analisis trend dan impak. Ia juga membolehkan perancangan yang lebih bersasar dan responsif terhadap isu semasa. Secara keseluruhan, platform ini menyumbang ke arah tadbir urus sektor pertanian yang lebih strategik, telus dan berimpak tinggi. Platform ini menyebarkan maklumat berkaitan penemuan utama Banci Pertanian 2024, serta pelbagai informasi sokongan lain yang relevan. Halaman utama portal TaniStats ini merangkumi:

- a) Penerangan ringkas mengenai maksud dan fungsi utama TaniStats sebagai sistem bersepadu untuk statistik sektor pertanian;
- b) Rasional dan keperluan pembangunan sistem ini dalam menyokong perancangan dan pemantauan sektor pertanian negara;
- c) Kepentingan sistem ini dalam menyediakan data yang tepat, pantas dan bersepadu untuk pelbagai pihak; dan
- d) Peranan TaniStats dalam memperkukuh dasar, memacu pertumbuhan sektor agromakanan, serta menyokong pembangunan mampan negara.

TaniStats juga mengandungi MyAgroPrice iaitu satu platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini harga produk pertanian terpilih dengan liputan siri masa secara bulanan dari tahun 2020 hingga 2024. Papan pemuka ini memaparkan perubahan harga di peringkat rantai edaran produk pertanian iaitu harga Ladang, Borong dan Runcit mengikut negeri. MyAgroPrice merupakan inovasi yang memberikan maklumat paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi keputusan kepenggunaan.

Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuhan statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan ketersediaan data baseline yang kemaskini, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Bagi memperkukuhkan ketersediaan data pertanian, survei pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala mulai 2026.

Selain itu, penerbitan Indikator Keterjaminan Makanan secara tahunan, Indeks Pengeluaran Pertanian secara suku tahunan dan Indeks Keterjaminan Makanan akan diterbitkan bagi sumber rujukan dalam merangka hala tuju sektor pertanian negara.

KANDUNGAN

	Muka Surat
Kata Pengantar	i
Banci Pertanian 2024	iii
Kandungan	vii
Ringkasan Penemuan	1
Jadual Statistik	47
Nota Teknikal	203
Penghargaan	219
Lampiran	223

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Jadual 1.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Negeri, Malaysia, 2023	49
Jadual 1.1	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	50
Jadual 1.2	Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Lain mengikut Negeri, Malaysia, 2023	57
Jadual 1.3	Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	58
Jadual 2.0	Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	65
Jadual 2.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Kewarganegaraan dan Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	66
Jadual 2.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	73
Jadual 2.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, dan Jantina Malaysia, 2023	74
Jadual 2.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	81
Jadual 2.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	82
Jadual 2.6	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Negeri dan Etnik, Malaysia, 2023	92
Jadual 2.7	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, dan Etnik, Malaysia, 2023	93
Jadual 2.8	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	103
Jadual 2.9	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	104

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
Jadual 2.10	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	114
Jadual 2.11	Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	116
Jadual 3.0	Parameter Utama bagi Tanaman Lain mengikut Negeri, Malaysia, 2023	157
Jadual 3.1	Parameter Utama bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	158
Jadual 3.2	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Lain mengikut Negeri, Malaysia, 2023	167
Jadual 3.3	Keluasan Bertanam bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	168
Jadual 3.4	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Lain mengikut Negeri, Malaysia, 2023	175
Jadual 3.5	Keluasan Bertuai bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	176
Jadual 3.6	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Lain mengikut Negeri, Malaysia, 2023	183
Jadual 3.7	Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	184
Jadual 3.8	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Lain mengikut Negeri, Malaysia, 2023	192
Jadual 3.9	Statistik Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023	193

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



RINGKASAN PENEMUAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN LAIN, MALAYSIA, 2023



Pegangan Pertanian
39,646

Individu : 38,302 (96.6%)
Pertubuhan : 1,344 (3.4%)

KEWARGANEGARAAN



Warganegara
37,753
98.6%



Bukan Warganegara
549
1.4%

JANTINA

Lelaki
31,401
82.0%




Perempuan
6,901
18.0%




KUMPULAN UMUR


15 - 30 Tahun




31 - 45 Tahun



46 - 59 Tahun



60 Tahun dan ke atas



ETNIK



Bumiputera

34,062
88.9%

1,986
5.2%



Cina

496
1.3%



India

1,758
4.6%



Lain-Lain

TARAF PERKAHWINAN



Tidak Pernah Berkahwin
2,997 (7.8%)



Berkahwin
28,578 (74.6%)



Bercerai/ Berpisah
555 (1.5%)



Balu/ Duda
6,172 (16.1%)

SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH



Tertiari
3,215
8.4%



Menengah
1,076
2.8%



Rendah
26,038
68.0%



Tiada Sijil
7,973
20.8%

Sumber: Banci Pertanian, 2024





PARAMETER UTAMA TANAMAN LAIN, MALAYSIA, 2023



60.1
43.4%

59.4
45.0%

745.6
50.2%

703.2
49.3%

1,384.36
48.3%



78.4
56.6%


72.5
55.0%


739.0
49.8%

723.8
50.7%

1,482.41
51.7%

PARAMETER UTAMA LIMA JENIS TANAMAN LAIN TERATAS


























	Kelapa	Bunga	Teh	Halia	Jagung Manis
	13,534	1,113	9	1,156	4,345
Keluasan Bertanam ('000 Ha)	67.6	45.3	1.6	1.4	5.6
Keluasan Bertuai ('000 Ha)	65.5	43.8	1.6	1.3	5.6
Kuantiti Pengeluaran ('000 mt)	743.5	466.6	1.4	18.8	53.2
Kuantiti Jualan ('000 mt)	722.1	453.9	1.4	18.4	48.8
Nilai Jualan (RM Juta)	1,162.65	865.38	223.35	144.26	142.09

Sumber: Banci Pertanian, 2024



PARAMETER UTAMA TANAMAN LAIN MENGIKUT NEGERI, MALAYSIA, 2023

	 Pegangan Pertanian	 Keluasan Bertanam (Ha)	 Keluasan Bertuai (Ha)	 Kuantiti Pengeluaran (mt)	 Kuantiti Jualan (mt)	 Nilai Jualan (RM Juta)
 MALAYSIA	39,646	138,546.2	131,891.7	1,484,622.0	1,427,024.5	2,866.76
 Johor	5,712	57,912.5	57,626.7	747,157.2	721,698.6	915.10
 Kedah	1,283	2,298.2	1,945.9	33,260.4	32,753.6	30.96
 Kelantan	3,179	12,158.8	11,875.3	94,101.1	91,760.2	188.07
 Melaka	781	1,932.4	1,927.0	15,234.5	14,416.3	28.37
 Negeri Sembilan	689	2,274.6	2,271.0	25,638.0	25,296.3	52.34
 Pahang	1,511	9,807.3	9,323.6	74,148.5	62,608.5	716.82
 Perak	5,086	13,952.4	12,798.0	148,377.2	145,766.1	277.33
 Perlis	223	300.6	300.5	2,576.3	2,479.8	5.86
 Pulau Pinang	352	1,189.8	1,181.4	10,690.2	9,945.1	26.70
 Sabah	3,851	10,339.4	7,243.5	58,631.3	57,513.6	138.48
 Sarawak	5,891	8,824.4	8,660.2	34,820.2	34,014.5	90.27
 Selangor	2,060	13,033.3	12,813.3	188,233.8	184,811.0	330.80
 Terengganu	8,908	4,503.7	3,908.9	49,014.8	41,393.1	63.11
 W.P. Kuala Lumpur	23	4.8	4.8	2,613.0	2,449.2	0.94
 W.P. Labuan	100	12.8	10.4	110.2	103.4	1.40
 W.P. Putrajaya	7	1.3	1.3	15.2	15.1	0.22

Sumber: Banci Pertanian, 2024





PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Penduduk (juta)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 ^P
Malaysia	30.7	31.2	31.6	32.0	32.4	32.5	32.4	32.6	32.7	33.4	34.1
Johor	3.6	3.6	3.7	3.7	3.7	3.8	4.0	4.0	4.0	4.1	4.2
Kedah	2.1	2.1	2.1	2.1	2.2	2.2	2.1	2.2	2.2	2.2	2.2
Kelantan	1.7	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9
Melaka	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
Negeri Sembilan	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2
Pahang	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7	1.7	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7
Perak	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.6
Perlis	0.2	0.2	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
Pulau Pinang	1.7	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8
Sabah	3.7	3.7	3.8	3.9	3.9	3.9	3.4	3.4	3.4	3.6	3.7
Sarawak	2.7	2.7	2.7	2.8	2.8	2.8	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
Selangor	6.1	6.2	6.3	6.4	6.5	6.5	7.0	7.1	7.0	7.2	7.4
Terengganu	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2
W.P. Kuala Lumpur	1.7	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8	2.0	2.0	2.0	2.0	2.1
W.P. Labuan	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

Negeri	Nisbah Jantina										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^P	2024 ^e
Malaysia	107	108	108	108	108	108	110	109	109	110	111
Johor	113	113	113	113	113	112	115	114	113	114	116
Kedah	103	103	103	103	103	103	104	104	104	104	104
Kelantan	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101
Melaka	104	105	105	106	106	107	111	111	110	111	113
Negeri Sembilan	109	109	109	109	109	109	108	108	107	108	108
Pahang	114	114	114	114	114	113	113	112	112	113	114
Perak	104	104	104	104	104	104	109	108	108	109	110
Perlis	98	98	99	99	99	99	100	100	100	100	99
Pulau Pinang	103	103	104	104	105	105	105	105	105	105	105
Sabah	110	110	110	110	110	110	109	109	109	109	109
Sarawak	108	109	109	109	109	109	107	107	107	107	107
Selangor	109	109	109	108	108	108	113	112	112	113	115
Terengganu	104	104	104	103	104	103	105	105	105	105	106
W.P. Kuala Lumpur	107	108	109	109	110	110	115	114	113	115	117
W.P. Labuan	105	105	105	105	105	105	106	105	105	105	105
W.P. Putrajaya	91	92	93	93	94	94	96	97	97	97	98

Negeri	Struktur Umur											
	2021			2022			2023			2024 ^e		
	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun
Malaysia	7,684.8	22,601.3	2,290.2	7,579.7	22,754.7	2,363.7	7,569.2	23,347.4	2,485.2	7,554.2	23,894.3	2,610.2
Johor	949.3	2,812.1	258.6	930.9	2,827.4	270.0	914.2	2,904.3	288.8	911.0	2,965.8	309.4
Kedah	536.5	1,436.0	179.1	533.5	1,444.6	185.0	535.0	1,461.5	192.8	534.0	1,482.1	201.4
Kelantan	538.9	1,153.6	119.8	539.0	1,168.9	122.7	536.6	1,195.5	127.7	534.3	1,221.3	132.9
Melaka	234.1	705.3	65.1	234.9	706.7	66.9	234.8	724.4	69.1	233.7	742.5	70.9
Negeri Sembilan	300.9	817.3	86.0	299.4	820.2	88.3	296.5	836.7	91.7	294.8	850.4	94.9
Pahang	418.3	1,079.2	104.0	411.4	1,096.0	106.9	405.8	1,127.3	110.1	398.6	1,156.5	113.1
Perak	573.9	1,707.7	234.2	564.8	1,710.0	239.7	554.1	1,740.0	247.2	545.2	1,769.9	254.5
Perlis	57.3	207.3	23.0	57.6	208.8	23.4	57.3	211.9	23.9	58.0	214.4	24.4
Pulau Pinang	342.9	1,274.5	122.6	336.7	1,275.8	128.5	337.4	1,299.2	136.1	336.7	1,319.7	144.0
Sabah	882.8	2,334.1	195.7	865.9	2,357.6	201.5	878.0	2,502.0	216.8	889.5	2,621.5	231.3
Sarawak	532.5	1,740.0	193.1	521.3	1,753.7	198.5	513.6	1,780.3	208.4	507.2	1,793.1	217.8
Selangor	1,531.6	4,978.7	504.5	1,516.7	5,008.8	524.9	1,532.2	5,119.9	557.6	1,540.8	5,229.0	593.5
Terengganu	333.7	770.0	67.0	336.8	781.1	68.7	340.2	798.1	71.8	343.5	813.8	74.8
W.P. Kuala Lumpur	382.9	1,449.7	131.4	371.6	1,457.0	132.6	364.6	1,504.5	136.6	359.1	1,568.7	139.7
W.P. Labuan	26.0	65.8	4.3	26.0	66.3	4.6	26.2	68.0	4.9	26.2	69.5	5.2
W.P. Putrajaya	43.3	70.3	1.7	43.4	71.8	1.9	42.9	73.9	2.1	41.8	76.2	2.3

Nota:

Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berdasarkan Banci 2010 dan akan disemak semula



PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	17.8	16.7	17.2	16.7	16.1	15.9	15.5	15.1	14.5	13.5	12.9
Johor	17.5	16.5	17.0	16.8	16.3	16.5	16.3	16.0	14.2	12.4	12.0
Kedah	18.2	17.2	17.7	17.5	17.0	17.1	16.5	15.9	15.9	15.4	14.2
Kelantan	22.4	21.6	22.8	22.2	21.4	21.4	20.6	19.6	20.2	19.2	18.5
Melaka	16.9	16.0	16.7	16.4	16.0	15.8	15.6	15.2	13.9	13.1	13.0
Negeri Sembilan	16.9	16.3	17.3	16.9	16.4	16.2	16.2	15.5	14.3	13.9	13.2
Pahang	17.7	17.2	18.1	17.5	17.0	16.7	16.2	15.5	15.9	15.3	14.6
Perak	15.5	14.5	14.9	14.7	14.4	14.0	13.5	13.2	12.7	12.2	11.7
Perlis	17.3	16.7	18.4	17.4	17.5	17.6	17.2	16.0	14.4	14.2	12.9
Pulau Pinang	14.7	12.9	13.6	13.1	12.7	12.3	11.7	11.4	11.3	10.7	10.2
Sabah	16.9	15.7	15.6	14.7	13.7	13.6	13.6	13.6	14.5	12.2	12.8
Sarawak	16.8	15.3	15.4	14.7	13.9	13.6	13.1	13.1	14.4	12.7	12.5
Selangor	18.9	17.5	18.0	17.5	16.6	16.3	15.8	15.2	13.4	12.8	11.9
Terengganu	23.5	22.9	23.7	23.8	23.3	23.1	23.0	21.8	23.6	22.5	21.3
W.P. Kuala Lumpur	15.9	14.7	15.6	14.5	14.4	13.8	13.5	13.4	11.7	10.7	10.1
W.P. Labuan	19.6	19.1	19.9	20.5	18.1	17.3	17.1	16.9	18.0	15.9	14.2
W.P. Putrajaya	40.2	37.3	37.9	34.6	30.4	28.8	24.7	22.3	19.6	18.3	15.7

Negeri	Kadar Kematian Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	4.7	4.7	4.9	5.0	5.1	5.3	5.3	5.4	5.1	6.9	6.3
Johor	5.0	5.1	5.0	5.2	5.5	5.6	5.6	5.8	5.1	6.7	6.3
Kedah	6.1	6.1	6.3	6.5	6.5	6.7	6.7	6.6	6.4	8.6	8.1
Kelantan	6.0	6.0	6.1	6.1	6.0	6.1	6.1	6.1	6.1	7.7	7.3
Melaka	5.4	5.5	5.4	5.6	5.8	6.0	5.9	6.0	5.5	7.1	6.6
Negeri Sembilan	5.6	5.8	5.9	6.1	6.2	6.4	6.5	6.4	5.8	7.6	7.1
Pahang	5.0	5.2	5.2	5.3	5.5	5.6	5.6	5.5	5.5	6.5	6.8
Perak	6.8	6.7	6.9	7.0	7.2	7.2	7.4	7.5	7.2	8.5	8.9
Perlis	6.9	7.2	6.8	7.1	7.5	8.0	8.1	7.9	6.8	7.8	8.4
Pulau Pinang	5.6	5.7	5.8	6.0	6.2	6.2	6.4	6.2	6.1	8.0	7.4
Sabah	2.3	2.3	3.3	3.4	3.4	3.6	3.6	3.8	4.3	5.5	5.1
Sarawak	4.4	4.3	4.4	4.5	4.6	4.7	5.0	5.0	5.8	7.1	6.7
Selangor	3.7	3.7	3.7	3.9	4.1	4.2	4.2	4.3	3.6	6.0	4.7
Terengganu	5.6	5.8	5.7	5.8	5.8	5.8	5.8	5.9	5.9	7.2	7.3
W.P. Kuala Lumpur	4.1	4.2	4.4	4.3	4.5	4.6	4.7	5.0	4.2	6.8	5.1
W.P. Labuan	2.7	2.7	2.9	2.6	2.9	2.5	2.9	3.0	3.4	5.4	4.0
W.P. Putrajaya	1.8	2.1	2.4	2.3	1.9	2.6	2.2	2.0	1.9	2.3	2.2

Negeri	Jangkaan Hayat Ketika Lahir (Lelaki & Perempuan)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^e
Malaysia	74.5	74.6	74.4	74.4	74.6	74.8	74.7	74.0	73.8	74.0	75.2
Johor	74.3	74.3	74.2	74.1	74.3	74.4	74.3	73.6	73.5	73.8	74.9
Kedah	73.1	73.1	72.9	73.0	73.1	73.4	73.1	72.2	71.7	71.7	73.0
Kelantan	71.9	72.0	72.0	72.2	72.4	72.6	72.2	71.6	71.4	71.8	73.2
Melaka	74.5	74.6	74.5	74.5	74.7	74.9	74.0	73.1	73.0	73.2	74.3
Negeri Sembilan	73.5	73.6	73.4	73.4	73.5	73.8	73.3	73.1	72.9	73.1	74.0
Pahang	73.1	73.2	73.3	73.4	73.6	73.9	72.9	72.6	72.4	72.3	73.1
Perak	74.0	74.0	74.0	73.9	74.0	74.2	73.7	73.3	73.0	72.9	73.8
Perlis	73.0	73.0	72.4	72.0	72.0	72.0	72.8	72.4	72.3	72.4	73.5
Pulau Pinang	74.8	74.8	74.8	74.9	75.2	75.5	74.2	73.7	73.5	73.7	74.7
Sabah	73.5	73.8	74.2	74.2	74.2	74.3	74.3	73.4	73.1	73.8	75.1
Sarawak	76.3	76.3	76.3	76.2	76.4	76.3	75.1	74.5	74.3	74.5	75.2
Selangor	75.1	75.1	75.1	75.1	75.4	75.7	77.4	76.4	76.2	76.5	78.0
Terengganu	71.3	71.4	71.6	71.8	72.1	72.2	71.7	71.3	71.0	71.1	72.2
W.P. Kuala Lumpur	76.1	76.2	76.6	76.5	76.7	76.9	76.4	75.1	75.1	75.3	76.2
W.P. Labuan	76.1	76.3	77.4	77.3	77.6	77.6	75.4	74.5	74.4	76.2	77.8
W.P. Putrajaya	71.7	72.1	72.3	72.2	73.3	73.8	74.5	74.6	74.2	74.0	74.5

Nota:

- i. - Tiada kes
ii. Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

1.0 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama Tanaman Lain hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan interim ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti Tanaman Lain untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti Tanaman Lain merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut negeri dan daerah. Maklumat bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti penanaman Tanaman Lain dijalankan.

Setiap pegangan pertanian individu atau pegangan pertanian pertubuhan yang menjalankan aktiviti penanaman Tanaman Lain tidak semestinya mengusahakan satu jenis Tanaman Lain sahaja. Realitinya, terdapat pegangan pertanian sama ada individu atau pertubuhan terlibat dalam penanaman dua atau lebih jenis Tanaman Lain. Namun bagi tujuan analisis bilangan pegangan pertanian, bilangan individu atau pertubuhan tersebut adalah bersifat unik.

2.0 LATAR BELAKANG

Banci Pertanian 2024 meliputi 26 aktiviti penanaman Tanaman Lain mengikut kod Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2024. Walau bagaimanapun, bagi tujuan analisis dalam penerbitan ini, Tanaman Lain dikelaskan semula mengikut 17 kumpulan Tanaman Lain seperti berikut:

Kumpulan Tanaman	MSIC	Keterangan MSIC
Bunga	01611	Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan landskap nurseri
	01304	Operasi tapak semaian pokok (nurseries)
	01191	Penanaman bunga
	01302	Penanaman tumbuhan untuk tujuan hiasan
	01195	Pengeluaran keratan bunga dan kudup bunga
Halia	01284	Penanaman halia
Jagung Manis	01111	Penanaman jagung manis
Kelapa	01263	Penanaman kelapa (estet dan kebun kecil)
Kopi	01271	Penanaman kopi
Nipah	01294	Penanaman pokok nipah
Petai	01286	Penanaman pokok petai
Pinang	01295	Penanaman pokok pinang
	01289	Penanaman tanaman rempah ratus dan aromatik lain t.t.t.l.
Rempah ratus	02306	Pengusahasilan dan pengeluaran herba dan tumbuhan ubatan
	01296	Penanaman pokok roselle
Rumbia/Sagu	01193	Penanaman sagu (rumbia)
Serai	01283	Penanaman pokok serai

Kumpulan Tanaman	MSIC	Keterangan MSIC
Tanaman Kekal Lain	01299	Penanaman tanaman kekal lain t.t.t.l.
	01301	Penanaman tumbuhan sebagai tanaman
	02301	Pengusahasilan dan pengeluaran rotan dan buluh
	02209	Pengusahasilan lain t.t.t.l
	02309	Pengusahasilan, pengumpulan dan pengeluaran hutan bukan kayu lain t.t.t.l
Tanaman Tidak Kekal Lain	02209	Pengusahasilan lain t.t.t.l
Tebu	01140	Penanaman tebu
Teh	01272	Penanaman teh
Tumbuhan Makanan Ternakan	01119	Penanaman bijian berminyak dan bijirin lain t.t.t.l
	01194	Penanaman tumbuhan untuk makanan ternakan

2.1 Tanaman Kekal dan Tanaman Tidak Kekal

Tanaman Lain meliputi penanaman tanaman jangka panjang yang dikenali sebagai tanaman kekal seperti kelapa dan kopi serta tanaman jangka pendek iaitu tanaman tidak kekal, antaranya jagung manis dan bunga. Kedua-dua jenis tanaman ini mempunyai ciri-ciri yang berbeza.


Tanaman kekal ialah tanaman yang mempunyai jangka hayat lebih dari setahun dan mengeluarkan hasil berulang kali. Pokok-pokok ini biasanya mengambil masa beberapa tahun untuk matang dan dapat mengeluarkan hasil lebih daripada dua musim sama ada dengan tumbuh semula selepas satu musim penanaman atau tumbuh berterusan. Contoh tanaman kekal termasuk kelapa sawit, getah, durian, kelapa dan koko. Tanaman ini sering diusahakan secara besar-besaran dan memerlukan penjagaan rapi serta perancangan jangka panjang. Walaupun kos permulaan untuk mengusahakan tanaman kekal adalah tinggi, hasilnya boleh memberi pulangan yang lumayan untuk tempoh bertahun-tahun.

Sebaliknya, tanaman tidak kekal ialah tanaman yang mempunyai kitaran hidup yang singkat iaitu kurang daripada setahun dan perlu ditanam semula selepas setiap kali dituai. Tanaman ini biasanya hidup dalam tempoh beberapa bulan sahaja. Antara contoh tanaman tidak kekal ialah padi, bayam, tebu dan serai. Kelebihan tanaman tidak kekal ialah hasilnya cepat diperolehi namun begitu, ia memerlukan kerja berulang berikutan perlu ditanam semula setiap musim dan penggunaan tanah secara berterusan boleh menyebabkan keletihan tanah jika tidak diurus dengan baik.

3.0 PARAMETER TANAMAN LAIN

Dapatan Banci Pertanian 2024 merekodkan 39,646 pegangan pertanian yang menjalankan aktiviti Tanaman Lain pada tahun 2023. Jumlah keluasan bertanam yang direkodkan adalah 153.6 ribu hektar dengan keluasan bertuai merekodkan 150.8 ribu hektar. Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti Tanaman Lain mencapai 1.5 juta tan metrik serta kuantiti jualan adalah 1.4 juta tan metrik. Dari segi nilai jualan, Tanaman Lain mencatatkan RM2,884.65 juta pada tahun 2023.

Paparan 1: Parameter Utama Tanaman Lain, Malaysia, 2023



Berdasarkan pegangan pertanian, aktiviti penanaman Tanaman Lain lebih tertumpu kepada aktiviti penanaman kelapa dengan sumbangan 34.1 peratus (13,534 pegangan pertanian) dan diikuti oleh penanaman serai dengan 22.0 peratus (8,703 pegangan pertanian). Rempah ratus mencatatkan 14.1 peratus (5,598 pegangan pertanian), seterusnya jagung manis (11.0%) dan tebu (8.0%) menunjukkan sumbangan yang signifikan kepada keseluruhan pegangan pertanian bagi Tanaman Lain.

Jika dilihat berdasarkan nilai jualan, penanaman kelapa mendahului nilai jualan bagi Tanaman Lain dengan RM1,162.65 juta (40.6%) dan diikuti oleh penanaman bunga dengan RM865.38 juta (30.2%). Seterusnya, penanaman teh RM223.35 juta (7.8%), halia RM144.26 juta (5.0%) dan jagung manis RM142.09 juta (5.0%).

Melihat kepada perspektif negeri, Johor merupakan penyumbang utama bagi aktiviti Tanaman Lain pada tahun 2023 dengan nilai jualan RM915.10 juta (31.9%). Ini diikuti oleh Pahang yang mencatatkan RM716.82 juta dan menyumbang 25.0 peratus kepada keseluruhan nilai jualan Tanaman Lain. Seterusnya, Selangor menyumbang 11.5 peratus dengan nilai jualan RM330.80 juta.

3.1 Profil Pegangan Pertanian

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan jumlah pegangan pertanian bagi Tanaman Lain adalah 39,646 pegangan pertanian yang meliputi 38,302 pegangan pertanian individu dan 1,344 pegangan pertanian pertubuhan.

Melihat dari perspektif negeri bagi bilangan pegangan pertanian individu, Terengganu mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 8,873 orang (99.6%), diikuti oleh Sarawak 5,839 orang (99.1%) dan Johor 5,328 orang (93.4%). Namun, bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor mendahului dengan 376 pertubuhan (6.6%), diikuti Pahang 235 pertubuhan (15.8%) dan Selangor 170 pertubuhan (8.2%).

Jadual 1: Bilangan Pegangan Pertanian Mengikut Negeri bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023



Negeri	Pegangan Pertanian Individu	Pegangan Pertanian Pertubuhan	Jumlah Pegangan Pertanian
Malaysia	38,302	1,344	39,646
Johor	5,328	376	5,704
Kedah	1,215	65	1,280
Kelantan	3,148	13	3,161
Melaka	757	35	792
Negeri Sembilan	579	96	675
Pahang	1,248	235	1,483
Perak	4,958	138	5,096
Perlis	215	4	219
Pulau Pinang	298	60	358
Sabah	3,822	27	3,849
Sarawak	5,839	51	5,890
Selangor	1,897	170	2,067
Terengganu	8,873	37	8,910
W.P. Kuala Lumpur	21	33	54
W.P. Labuan	98	2	100
W.P. Putrajaya	6	2	8

3.1.1 Kewarganegaraan

Dari segi status kewarganegaraan, pegangan pertanian individu bagi warganegara merekodkan 37,753 (98.6%) berbanding pegangan pertanian individu bagi bukan warganegara yang merekodkan 549 (1.4%).

Pulau Pinang, Perlis, W.P. Labuan dan W.P. Putrajaya mencatatkan 100.0 peratus pegangan pertanian individu warganegara. Bagi negeri-negeri lain, komposisi warganegara direkodkan melebihi 95.0 peratus kecuali Sabah (88.6%). Sabah merekodkan komposisi bukan warganegara tertinggi iaitu 11.4 peratus.



Jadual 2: Peratusan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Negeri dan Kewarganegaraan bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023

	 Warganegara	 Bukan Warganegara
Negeri	(%)	(%)
Malaysia	98.6	1.4
Johor	99.2	0.8
Kedah	99.7	0.3
Kelantan	99.7	0.3
Melaka	99.9	0.1
Negeri Sembilan	99.7	0.3
Pahang	99.8	0.2
Pulau Pinang	100.0	-
Perak	99.6	0.4
Perlis	100.0	-
Selangor	99.7	0.3
Terengganu	99.9	0.1
Sabah	88.6	11.4
Sarawak	99.7	0.3
W.P. Kuala Lumpur	95.2	4.8
W.P. Labuan	100.0	-
W.P. Putrajaya	100.0	-

3.1.2 Jantina

Jumlah pegangan pertanian individu bagi aktiviti penanaman Tanaman Lain di Malaysia adalah seramai 38,302 orang yang terdiri daripada 31,401 lelaki (82.0%) dan 6,901 perempuan (18.0%). Semua negeri merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki melebihi perempuan. Dari perspektif pegangan pertanian lelaki, Perlis merekodkan komposisi tertinggi iaitu 91.2 peratus diikuti dengan Pulau Pinang (89.3%) dan Pahang (87.5%). Manakala, W.P. Labuan merekodkan komposisi tertinggi bagi pegangan pertanian perempuan iaitu 40.8 peratus diikuti oleh Terengganu (26.6%) serta W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya masing-masing dengan 33.3 peratus.

Jadual 3: Peratusan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Negeri dan Jantina bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023





		
Negeri	(%)	(%)
Malaysia	82.0	18.0
Johor	85.8	14.2
Kedah	81.1	18.9
Kelantan	77.0	23.0
Melaka	85.7	14.3
Negeri Sembilan	85.7	14.3
Pahang	87.5	12.5
Pulau Pinang	89.3	10.7
Perak	80.7	19.3
Perlis	91.2	8.8
Selangor	83.5	16.5
Terengganu	73.4	26.6
Sabah	82.4	17.6
Sarawak	92.5	7.5
W.P. Kuala Lumpur	66.7	33.3
W.P. Labuan	59.2	40.8
W.P. Putrajaya	66.7	33.3

3.1.3 Kumpulan Umur

Dari segi kumpulan umur, 42.1 peratus atau 16,115 orang adalah berumur 60 tahun dan ke atas. Manakala, 3.6 peratus (1,371 orang) berumur 15 hingga 30 tahun. Seterusnya, 8,060 orang (21.0%) berada dalam kumpulan umur 31 hingga 45 tahun dan 12,756 orang (33.3%) dalam kumpulan umur 46 hingga 59 tahun.

Bagi pegangan pertanian individu berumur 60 tahun dan ke atas, W.P. Kuala Lumpur mencatatkan komposisi tertinggi dengan 57.1 peratus. Ini diikuti oleh Perlis (54.4%) dan Pulau Pinang (53.0%). W.P Putrajaya mendahului pegangan pertanian individu berumur 15 hingga 30 tahun dengan 16.7 peratus dan diikuti oleh Sabah, Terengganu, dan Perak masing-masing dengan 5.6 peratus, 5.0 peratus dan 4.9 peratus.

Jadual 4: Peratusan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Negeri dan Kumpulan Umur bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023





	 15 - 30 Tahun	 31 - 45 Tahun	 46 - 59 Tahun	 60 Tahun dan ke atas
Negeri	(%)	(%)	(%)	(%)
Malaysia	3.6	21.0	33.3	42.1
Johor	3.7	25.8	35.8	34.8
Kedah	2.0	16.2	33.0	48.8
Kelantan	2.1	14.5	30.9	52.5
Melaka	2.1	17.6	28.8	51.5
Negeri Sembilan	3.8	13.3	32.1	50.8
Pahang	3.2	23.2	32.9	40.8
Pulau Pinang	1.3	13.8	31.9	53.0
Perak	4.9	20.6	31.9	42.6
Perlis	1.9	15.3	28.4	54.4
Selangor	3.2	17.7	30.2	49.0
Terengganu	5.0	26.7	32.0	36.4
Sabah	5.6	28.2	34.8	31.4
Sarawak	0.7	10.9	36.6	51.7
W.P. Kuala Lumpur	-	14.3	28.6	57.1
W.P. Labuan	-	14.3	36.7	49.0
W.P. Putrajaya	16.7	33.3	33.3	16.7

3.1.4 Kumpulan Etnik

Bagi komposisi mengikut kumpulan etnik, Bumiputera mendominasi dengan 33,898 pegangan pertanian individu (89.8%), diikuti etnik Cina 2,917 orang (7.7%), etnik India 757 orang (2.0%) dan etnik Lain-lain 181 orang (0.5%).

W.P. Putrajaya mencatatkan 100.0 peratus komposisi pegangan pertanian individu Bumiputera diikuti dengan Terengganu (98.7%) dan Kedah (96.7%). Bagi etnik Cina, Pahang mencatatkan komposisi pegangan pertanian individu tertinggi dengan 27.0 peratus diikuti oleh Johor (20.7%) dan Pulau Pinang (17.4%). Negeri Sembilan merekodkan komposisi pegangan pertanian individu etnik India tertinggi 8.5 peratus diikuti oleh Perak (6.3%) dan Pahang (4.8%). W.P. Kuala Lumpur menunjukkan pegangan pertanian individu etnik Lain-lain tertinggi iaitu 5.0 peratus diikuti oleh Kelantan (2.1%) dan W.P. Labuan (2.0%).

Jadual 5: Peratusan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023





Negeri	 Bumiputera	 Cina	 India	 Lain-Lain
	(%)	(%)	(%)	(%)
Malaysia	89.8	7.7	2.0	0.5
Johor	74.7	20.7	4.1	0.5
Kedah	96.7	0.3	1.2	1.8
Kelantan	95.2	2.7	0.0	2.1
Melaka	85.8	10.2	3.7	0.3
Negeri Sembilan	82.1	9.2	8.5	0.2
Pahang	67.6	27.0	4.8	0.6
Pulau Pinang	81.5	17.4	1.0	-
Perak	80.7	12.8	6.3	0.2
Perlis	92.1	5.1	1.4	1.4
Selangor	94.1	2.0	3.6	0.3
Terengganu	98.7	1.2	-	0.1
Sabah	95.1	4.1	0.1	0.7
Sarawak	95.1	4.8	-	0.1
W.P. Kuala Lumpur	90.0	5.0	-	5.0
W.P. Labuan	93.9	4.1	-	2.0
W.P. Putrajaya	100.0	-	-	-

3.1.5 Taraf Perkahwinan

Dari segi taraf perkahwinan, majoriti pegangan pertanian individu adalah berkahwin iaitu seramai 28,576 orang (74.6%). Manakala, yang berstatus balu/ duda seramai 6,173 orang (16.1%). Pegangan pertanian individu yang berstatus tidak pernah berkahwin adalah seramai 2,998 orang (7.8%). Seterusnya yang bercerai/ berpisah, 555 orang (1.4%).

W.P. Putrajaya merekodkan pegangan pertanian individu tertinggi bagi yang berkahwin iaitu 100.0 peratus, diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (85.7%) dan Perlis (80.0%). Bagi pegangan pertanian individu yang berstatus balu/ duda, Negeri Sembilan mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 22.8 peratus diikuti oleh Kelantan (21.1%).





Jadual 6: Peratusan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023

	 Tidak Pernah Berkahwin	 Berkahwin	 Bercerai/ Berpisah	 Balu/ Duda
Negeri	(%)	(%)	(%)	(%)
Malaysia	7.8	74.6	1.4	16.1
Johor	8.1	75.0	1.2	15.7
Kedah	5.1	75.8	1.5	17.6
Kelantan	5.1	73.3	0.5	21.1
Melaka	7.4	74.4	2.1	16.1
Negeri Sembilan	7.1	69.3	0.9	22.8
Pahang	7.6	79.2	1.0	12.2
Perak	10.5	71.3	1.1	17.0
Perlis	5.1	80.0	1.9	13.0
Pulau Pinang	7.4	74.2	1.0	17.4
Sabah	8.7	76.2	2.7	12.3
Sarawak	6.5	77.9	2.1	13.6
Selangor	8.5	74.2	1.2	16.2
Terengganu	8.1	73.3	1.3	17.4
W.P. Kuala Lumpur	-	85.7	-	14.3
W.P. Labuan	4.1	74.5	4.1	17.3
W.P. Putrajaya	-	100.0	-	-

3.1.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Melihat kepada sijil tertinggi diperoleh, majoriti pegangan pertanian individu Tanaman Lain memiliki sijil di peringkat Rendah iaitu seramai 26,038 orang (68.0%), diikuti oleh Tiada Sijil iaitu 7,973 orang (20.8%). Manakala, pegangan pertanian individu yang memiliki sijil di peringkat Tertiar merekodkan 3,215 orang (8.4 %) dan peringkat Menengah 1,076 orang (2.8%).

Jadual 7: Peratusan Pegangan Pertanian Individu Mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023

	 Tertiari	 Menengah	 Rendah	 Tiada Sijil
Negeri	(%)	(%)	(%)	(%)
Malaysia	8.4	2.8	68.0	20.8
Johor	13.3	3.2	72.8	10.8
Kedah	7.0	4.0	66.3	22.7
Kelantan	9.0	2.6	70.4	18.0
Melaka	14.5	5.7	71.3	8.5
Negeri Sembilan	9.8	4.0	66.3	19.9
Pahang	7.4	2.7	73.8	16.1
Perak	6.6	2.1	66.4	24.8
Perlis	13.0	2.3	68.4	16.3
Pulau Pinang	12.1	2.7	72.1	13.1
Sabah	5.1	2.0	60.7	32.1
Sarawak	2.1	1.3	60.0	36.7
Selangor	11.4	4.4	67.8	16.4
Terengganu	10.5	3.6	72.7	13.2
W.P. Kuala Lumpur	28.6	4.8	61.9	4.8
W.P. Labuan	12.2	1.0	69.4	17.3
W.P. Putrajaya	100.0	-	-	-


3.2 Keluasan Bertanam

Keluasan bertanam bagi aktiviti penanaman Tanaman Lain pada 2023 adalah 138.5 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, penanaman kelapa merekodkan keluasan bertanam terbesar iaitu 67.6 ribu hektar (48.8%) dan diikuti penanaman bunga dengan keluasan bertanam 45.3 ribu hektar (32.7%). Seterusnya, penanaman jagung manis mencatatkan 5.6 ribu hektar (4.1%).

Dari perspektif negeri, Johor mencatatkan keluasan bertanam terbesar iaitu 57.9 ribu hektar (41.8%). Ini diikuti oleh Perak dengan keluasan bertanam 14.0 ribu hektar (10.1%) dan Selangor, 13.0 ribu hektar (9.4%). Keluasan bertanam bagi ketiga-tiga negeri ini meliputi 61.3 peratus (84.9 ribu hektar) daripada keseluruhan keluasan bertanam bagi Tanaman Lain.

Mengikut daerah, Muar, Johor mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar bagi Tanaman Lain iaitu 42.3 ribu hektar, diikuti oleh Sabak Bernam, Selangor 11.2 ribu hektar dan Bagan Datuk, Perak 8.5 ribu hektar.

Paparan 2: Peratusan Keluasan Bertanam bagi Tanaman Lain Mengikut Negeri, Malaysia, 2023




3.3 Keluasan Bertuai

Keluasan bertuai bagi Tanaman Lain secara keseluruhannya adalah 131.9 ribu hektar pada 2023. Daripada keseluruhan keluasan bertuai tersebut, penanaman kelapa merekodkan keluasan bertuai terbesar iaitu 65.5 ribu hektar (49.7%), diikuti dengan penanaman bunga, 43.8 ribu hektar (33.2%). Seterusnya, penanaman jagung manis dengan 5.6 ribu hektar (4.2%) keluasan bertuai.

Merujuk kepada negeri, Johor mencatatkan keluasan bertuai terbesar iaitu 57.6 ribu hektar (43.7%). Ini diikuti oleh Selangor, 12.8 ribu hektar (9.7%) dan Perak dengan 12.8 ribu hektar (9.7%). Secara keseluruhannya, ketiga-tiga negeri ini menyumbang 63.1 peratus (83.2 ribu hektar) kepada jumlah keluasan bertuai bagi penanaman Tanaman Lain pada tahun 2023.

Muar, Johor mencatatkan keluasan bertuai terbesar iaitu 42.3 ribu hektar diikuti oleh Sabak Bernam, Selangor seluas 11.1 ribu hektar dan Bagan Datuk, Perak seluas 7.9 ribu hektar.

Paparan 3: Peratusan Keluasan Bertuai bagi Tanaman Lain Mengikut Negeri, Malaysia, 2023




3.4 Kuantiti Pengeluaran

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti penanaman Tanaman Lain pada tahun 2023 berjumlah 1.5 juta tan metrik. Penanaman kelapa merekodkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 743.5 ribu tan metrik (50.1%). Seterusnya, penanaman bunga dengan 466.6 ribu tan metrik (31.4%) dan penanaman tebu, 71.6 ribu tan metrik (4.8%).

Johor mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 747.2 ribu tan metrik (50.3%), diikuti Selangor 188.2 ribu tan metrik (12.7%) dan Perak 148.4 ribu tan metrik (10.0%). Jumlah kuantiti pengeluaran bagi ketiga-tiga negeri ini meliputi 73.0 peratus (1.1 juta tan metrik) daripada keseluruhan kuantiti pengeluaran bagi penanaman Tanaman Lain pada tahun 2023.

Di peringkat daerah, Muar, Johor turut mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran tertinggi sebanyak 437.0 ribu tan metrik, diikuti Pontian, Johor (194.7 ribu tan metrik) dan Sabak Bernam, Selangor (169.5 ribu tan metrik). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 54.0 peratus kepada keseluruhan kuantiti pengeluaran Tanaman Lain.

Paparan 4: Peratusan Kuantiti Pengeluaran bagi Lima Negeri Teratas bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023




3.5 Kuantiti Jualan

Kuantiti jualan bagi aktiviti penanaman Tanaman Lain pada tahun 2023 secara keseluruhannya merekodkan 1.4 juta tan metrik. Penanaman kelapa merekodkan kuantiti jualan tertinggi 722.1 ribu tan metrik (50.6%). Seterusnya, diikuti dengan penanaman bunga, 453.9 ribu tan metrik (31.8%) dan tebu dengan kuantiti jualan 54.9 ribu tan metrik (3.8%).

Johor mencatatkan kuantiti jualan tertinggi bagi Tanaman Lain iaitu 721.7 ribu tan metrik (50.6%), diikuti oleh Selangor 184.8 ribu tan metrik (12.9%) dan Perak 145.8 ribu tan metrik (10.2%). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 73.7 peratus (1.1 juta tan metrik) kepada keseluruhan kuantiti jualan bagi aktiviti penanaman Tanaman Lain pada tahun 2023.

Daerah pentadbiran Muar, Johor mencatatkan kuantiti jualan tertinggi 428.5 ribu tan metrik (30.0%), diikuti oleh Pontian, Johor dengan 185.7 ribu tan metrik (13.0%) dan Sabak Bernam, Selangor 166.5 ribu tan metrik (11.7%).

Paparan 5: Peratusan Kuantiti Jualan mengikut Negeri bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023




3.6 Nilai Jualan

Nilai jualan bagi Tanaman Lain adalah berjumlah RM2.87 bilion pada tahun 2023. Penanaman kelapa merupakan penyumbang utama kepada nilai jualan meliputi 40.6 peratus (RM1.16 bilion), diikuti penanaman bunga 30.2 peratus dengan nilai jualan RM865.38 juta. Seterusnya, penanaman teh dengan nilai jualan berjumlah RM223.35 juta (7.8%).

Johor mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu 31.9 peratus dan diikuti oleh Pahang dengan sumbangan 25.0 peratus. Seterusnya, Selangor menyumbang 11.5 peratus. Ketiga-tiga negeri ini secara kumulatif menyumbang 68.4 peratus iaitu RM1.96 bilion kepada keseluruhan nilai jualan bagi aktiviti penanaman Tanaman Lain pada tahun 2023.

Cameron Highlands, Pahang mencatatkan nilai jualan tertinggi RM605.58 juta (21.1%) dan diikuti oleh Pontian, Johor dan Sabak Bernam, Selangor masing-masing dengan RM315.61 juta (11.0%) dan RM269.02 juta (9.4%).

Paparan 6: Nilai Jualan bagi Lima Negeri Teratas bagi Tanaman Lain, Malaysia, 2023



4.0 SOROTAN LIMA JENIS TANAMAN LAIN TERATAS

4.1 Tanaman Kelapa

4.1.1 Pegangan Pertanian bagi Tanaman Kelapa

Jumlah pegangan pertanian bagi aktiviti penanaman kelapa pada tahun 2023 merekodkan 13,257 pegangan pertanian individu dan 277 pegangan pertanian pertubuhan.

Melihat kepada perspektif pegangan pertanian individu, Terengganu mendahului dengan 3,201 pegangan pertanian individu dan menyumbang 24.2 peratus. Ini diikuti oleh Sabah dan Johor masing-masing 1,693 pegangan pertanian individu (12.8%) dan 1,680 pegangan pertanian individu (12.7%). Ketiga-tiga negeri ini meliputi sebanyak 49.7 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu dalam aktiviti penanaman kelapa.

Dari segi pertubuhan, Johor mendominasi pegangan pertanian pertubuhan dengan 29.2 peratus, diikuti Perak dengan 12.6 peratus dan Selangor, 11.2 peratus. Gabungan ketiga-tiga negeri ini menyumbang 53.0 peratus kepada jumlah pegangan pertanian pertubuhan dalam aktiviti penanaman kelapa.

Paparan 7: Bilangan Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan bagi Tiga Negeri Teratas bagi Tanaman Kelapa, Malaysia, 2023




4.1.2 Keluasan Bertanam bagi Tanaman Kelapa

Dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan keluasan bertanam bagi penanaman kelapa di Malaysia adalah 67.6 ribu hektar iaitu meliputi 48.8 peratus daripada keseluruhan keluasan bertanam bagi Tanaman Lain.

Dari perspektif negeri, Johor merekodkan keluasan bertanam kelapa terbesar iaitu 14.2 ribu hektar meliputi 21.0 peratus kepada keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman kelapa di Malaysia. Ini diikuti oleh Selangor dengan keluasan bertanam 12.1 ribu hektar (18.0%) dan Perak 11.9 ribu hektar (17.7%).


Paparan 8: Peratusan Keluasan Bertanam mengikut Negeri bagi Tanaman Kelapa, Malaysia, 2023



4.1.3 Nilai Jualan bagi Tanaman Kelapa

Jumlah nilai jualan penanaman kelapa mencapai RM1,162.65 juta pada 2023, menyumbang 40.6 peratus kepada keseluruhan nilai jualan Tanaman Lain. Johor mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM407.88 juta (35.1%), diikuti Selangor RM282.49 juta (24.3%) dan Perak RM184.80 juta (15.9%).

Paparan 9: Nilai Jualan bagi Lima Negeri Teratas bagi Tanaman Kelapa, Malaysia, 2023




4.2 Tanaman Bunga

4.2.1 Pegangan Pertanian bagi Tanaman Bunga

Jumlah pegangan pertanian bagi aktiviti penanaman bunga merekodkan 574 pegangan pertanian individu dan 539 pegangan pertanian pertubuhan pada tahun 2023. Dari segi bilangan pegangan pertanian individu, Pahang merekodkan jumlah tertinggi iaitu 209 orang dengan sumbangan 36.4 peratus. Ini diikuti oleh Sabah dengan 76 orang (13.2%) dan Perak 67 orang (11.7%). Secara keseluruhan, ketiga-tiga negeri ini menyumbang 61.3 peratus kepada keseluruhan pegangan pertanian individu dalam aktiviti penanaman bunga.

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor merekodkan bilangan tertinggi dengan 194 pertubuhan (36.0%). Pahang mencatatkan 164 pertubuhan (30.4%), dan diikuti oleh Selangor, 46 pertubuhan (8.5%). Secara kolektif, ketiga-tiga negeri ini menyumbang 74.9 peratus kepada keseluruhan pegangan pertanian pertubuhan dalam aktiviti penanaman bunga.


Paparan 10: Bilangan Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan bagi Tiga Negeri Teratas bagi Tanaman Bunga, Malaysia, 2023



4.2.2 Keluasan Bertanam bagi Tanaman Bunga

Sejumlah 45.3 ribu hektar telah diusahakan untuk aktiviti penanaman bunga di Malaysia pada tahun 2023. Johor mencatatkan keluasan bertanam terbesar dengan keluasan 39.6 ribu hektar, merangkumi 87.4 peratus daripada keseluruhan keluasan bertanam penanaman bunga di Malaysia. Selain itu, Pahang menyumbang 6.6 peratus dengan keluasan 2.9 ribu hektar. Seterusnya, Kelantan mencatatkan 0.8 ribu hektar (1.8%) keluasan bertanam.


Paparan 11: Peratusan Keluasan Bertanam mengikut Negeri bagi Tanaman Bunga, Malaysia, 2023



4.2.3 Nilai Jualan bagi Tanaman Bunga

Jumlah nilai jualan bagi penanaman bunga di Malaysia mencapai RM865.38 juta yang meliputi 30.2 peratus daripada keseluruhan nilai jualan dalam aktiviti penanaman Tanaman Lain. Pahang mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan RM383.14 juta, merangkumi 44.3 peratus daripada keseluruhan jualan penanaman bunga yang direkodkan pada tahun 2023. Seterusnya, Johor merekodkan nilai jualan RM339.55 juta (39.2%) dan diikuti oleh Kelantan, RM42.48 juta (4.9%).

Paparan 12: Nilai Jualan bagi Lima Negeri Teratas bagi Tanaman Bunga, Malaysia, 2023



4.3 Tanaman Teh

4.3.1 Pegangan Pertanian bagi Tanaman Teh


Terdapat sembilan pegangan pertanian pertubuhan yang menjalankan aktiviti penanaman teh di Malaysia bagi tahun 2023. Pahang merekodkan bilangan pegangan pertanian tertinggi iaitu empat pegangan pertanian pertubuhan, meliputi 44.4 peratus daripada jumlah pegangan pertanian yang menjalankan aktiviti penanaman teh.

4.3.2 Keluasan Bertanam bagi Tanaman Teh

Keluasan bertanam bagi penanaman teh di Malaysia adalah 1,663.0 hektar pada tahun 2023. Pahang mencatatkan keluasan bertanam terbesar bagi penanaman teh iaitu 1,476.5 hektar merangkumi 88.8 peratus daripada keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman teh.

Selain itu, Sabah turut menyumbang 6.9 peratus dengan keluasan bertanam seluas 113.9 hektar. Seterusnya, Selangor mencatatkan keluasan bertanam 65.7 hektar bersamaan 4.0 peratus kepada keseluruhan keluasan bertanam.


Paparan 13: Peratusan Keluasan Bertanam bagi Lima Negeri Teratas bagi Tanaman Teh, Malaysia, 2023



4.3.3 Nilai Jualan bagi Tanaman Teh

Nilai jualan keseluruhan bagi penanaman teh di Malaysia berjumlah RM223.35 juta pada tahun 2023. Pahang mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan RM216.35 juta, meliputi 96.9 peratus daripada keseluruhan nilai jualan. Selain itu, Sabah merekodkan nilai jualan RM4.53 juta (2.0%), manakala Pulau Pinang, RM2.06 juta (0.9%).

Paparan 14: Nilai Jualan bagi Lima Negeri Teratas bagi Tanaman Teh, Malaysia, 2023



4.4 Tanaman Halia


4.4.1 Pegangan Pertanian bagi Tanaman Halia

Bilangan pegangan pertanian yang menjalankan aktiviti penanaman halia pada tahun 2023 adalah 1,156 pegangan pertanian yang terdiri daripada 1,123 pegangan pertanian individu dan 33 pegangan pertanian pertubuhan.

Sabah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu yang tertinggi bagi penanaman halia dengan sumbangan 41.8 peratus, diikuti Sarawak (27.6%) dan Pahang (13.6%). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 83.0 peratus kepada keseluruhan pegangan pertanian individu yang terlibat dalam aktiviti penanaman halia.

Pahang merekodkan bilangan pegangan pertanian pertubuhan yang tertinggi dengan sumbangan 21.2 peratus, diikuti oleh Selangor (15.2%) dan Negeri Sembilan (12.1%). Gabungan ketiga-tiga negeri ini menyumbang 48.5 peratus kepada keseluruhan pegangan pertanian pertubuhan dalam aktiviti penanaman halia.


Paparan 15: Bilangan Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan bagi Tiga Negeri Teratas bagi Tanaman Halia, Malaysia, 2023



4.4.2 Keluasan Bertanam bagi Tanaman Halia

Penanaman halia di Malaysia pada tahun 2023 meliputi keluasan bertanam seluas 1.4 ribu hektar. Sabah merekodkan keluasan bertanam 0.9 ribu hektar (62.9%) dan merupakan penyumbang utama kepada keluasan bertanam halia negara. Sebanyak 18.0 peratus bersamaan 0.2 ribu hektar telah diusahakan di Pahang pada tahun 2023, diikuti oleh Johor dengan keluasan bertanam 0.1 ribu hektar (10.6%).


Paparan 16: Peratusan Keluasan Bertanam mengikut Negeri bagi Tanaman Halia, Malaysia, 2023



4.4.3 Nilai Jualan bagi Tanaman Halia

Nilai jualan bagi penanaman halia di Malaysia mencapai RM144.26 juta pada tahun 2023 iaitu 5.0 peratus daripada keseluruhan nilai jualan Tanaman Lain. Sabah mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan RM81.46 juta (56.5%), diikuti oleh Pahang dengan RM49.10 juta (34.0%) dan Selangor, RM5.49 juta (3.8 %).

Paparan 17: Nilai Jualan bagi Lima Negeri Teratas bagi Tanaman Halia, Malaysia, 2023



4.5 Tanaman Jagung Manis

4.5.1 Pegangan Pertanian bagi Tanaman Jagung Manis

Penanaman jagung manis mencatatkan 4,345 pegangan pertanian, merangkumi 4,183 pegangan pertanian individu dan 162 pegangan pertanian pertubuhan yang beroperasi secara aktif pada tahun 2023.

Dari sudut penglibatan pegangan pertanian individu, Sarawak mendahului dengan bilangan tertinggi 1,720 pegangan pertanian individu (41.1%). Seterusnya diikuti oleh Kelantan dengan 672 pegangan pertanian individu (16.1%) dan Sabah merekodkan 543 pegangan pertanian individu (13.0%). Secara kolektif, tiga negeri ini menyumbang 70.2 peratus kepada keseluruhan pegangan pertanian individu dalam industri penanaman jagung manis.

Johor merekodkan 33 pertubuhan meliputi 20.4 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian pertubuhan. Ini diikuti oleh Pahang, 30 pegangan pertanian pertubuhan (18.5%) dan Perak 24 pegangan pertanian pertubuhan (14.8%). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 53.7 peratus kepada keseluruhan pegangan pertanian pertubuhan dalam aktiviti penanaman jagung manis.


Paparan 18: Bilangan Pegangan Pertanian Individu dan Pertubuhan bagi Tiga Negeri Teratas bagi Tanaman Jagung Manis, Malaysia, 2023



4.5.2 Keluasan Bertanam bagi Tanaman Jagung Manis

Keluasan bertanam bagi aktiviti penanaman jagung manis di Malaysia pada tahun 2023 adalah 5.6 ribu hektar. Perak mencatatkan kawasan penanaman terbesar dengan keluasan bertanam 1.1 ribu hektar (19.3%), merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan keluasan bertanam bagi penanaman jagung manis. Sementara itu, Pahang menyumbang 14.1 peratus dengan keluasan 0.8 ribu hektar, diikuti oleh Sarawak, 0.6 ribu hektar (11.9%).


Paparan 19: Peratusan Keluasan Bertanam mengikut Negeri bagi Tanaman Jagung Manis, Malaysia, 2023



4.5.3 Nilai Jualan bagi Tanaman Jagung Manis

Jumlah nilai jualan bagi penanaman jagung manis pada tahun 2023 adalah RM142.09 juta, merangkumi 5.0 peratus daripada jumlah nilai jualan Tanaman Lain. Perak mendahului dengan nilai jualan berjumlah RM31.43 juta bersamaan 22.1 peratus daripada keseluruhan nilai jualan penanaman jagung manis. Seterusnya, Sarawak mencatatkan nilai jualan RM16.68 juta (11.7%) dan diikuti oleh Johor dengan RM16.21 juta (11.4%).

Paparan 20: Nilai Jualan bagi Lima Negeri Teratas bagi Tanaman Jagung Manis, Malaysia, 2023



Pertanian: Warisan Tradisi, Menjamin Bekalan Makanan Negara

Noor Masayu Mhd Khalili, Ummi Kalsum Mohamad, Jamia Aznita Jamal

Bahagian Petunjuk Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengenalan

Sektor Pertanian memainkan peranan penting dalam ekonomi dengan menyumbang kepada sumber makanan, bahan mentah, eksport dan peluang pekerjaan. Ia juga menjadi tulang belakang rantai bekalan global serta menyokong kestabilan ekonomi dan keterjaminan makanan. Walaupun sektor ini menghadapi cabaran dalam bersaing dengan sektor lain dalam ekonomi, ia kekal relevan dalam memastikan kelestarian alam sekitar melalui amalan Pertanian mampan.

Sektor Pertanian di Malaysia mencatatkan sumbangan yang semakin menurun kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), iaitu daripada 28.8 peratus pada tahun 1970 kepada 7.8 peratus pada tahun 2023. Penurunan ini menggambarkan peralihan struktur ekonomi negara ke arah sektor Pembuatan dan Perkhidmatan yang lebih moden dan berteknologi tinggi. Jika dibandingkan dengan negara ASEAN lain, Malaysia mencatatkan sumbangan melebihi Brunei dan Singapura dalam sektor ini. Walaupun demikian, sektor Pertanian masih memainkan peranan penting dalam aspek pembekalan makanan, kesejahteraan luar bandar dan eksport komoditi utama negara. Justeru, usaha ke arah pemodenan, inovasi dan kelestarian sektor ini wajar dipertingkatkan agar kekal relevan dan menyumbang secara strategik kepada pembangunan negara.

Cabaran Global dalam Sektor Pertanian

The Food and Agriculture Organization (FAO) mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam sektor Pertanian global termasuk:

- i. Perubahan iklim – kejadian cuaca ekstrem dan kemarau berpanjangan;
- ii. Kekurangan sumber asli – penyusutan dan pencemaran tanah subur;
- iii. Kebergantungan kepada Pertanian tradisional – kos teknologi moden yang tinggi;
- iv. Cabaran alam sekitar – penebangan hutan yang mengganggu ekosistem;
- v. Ketidakstabilan harga komoditi – harga minyak sawit dan getah mengalami turun naik yang memberi kesan kepada pendapatan individu Pertanian; dan
- vi. Peningkatan kos input – harga baja dan tenaga meningkat, memberi tekanan kepada kos pengeluaran.

Menangani cabaran ini memerlukan kerjasama global serta pelaksanaan dasar dan strategi bersepadu di peringkat nasional.


Di Malaysia, sektor Pertanian diselia oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bersama Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) yang bertanggungjawab merangka dasar bagi menjadikan sektor ini lebih moden, dinamik dan berdaya saing.

Evolusi dan Struktur Ekonomi Malaysia

Malaysia telah melalui transformasi ekonomi yang signifikan sepanjang lima dekad yang lalu. Pada era penjajahan, sektor Pertanian merupakan tunjang utama ekonomi negara dengan tumpuan kepada tanaman komoditi seperti getah, kelapa sawit dan padi. Pada tahun 1970-an, sektor ini menyumbang lebih daripada 25.0 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga malar serta menyediakan peluang pekerjaan kepada sebahagian besar tenaga buruh, khususnya di kawasan luar bandar.

Namun begitu, menjelang tahun 1990-an, peranan sektor Pertanian mula berkurang sejajar dengan peralihan ekonomi negara ke arah perindustrian yang pesat. Dalam tempoh ini, sektor Pembuatan dan Perkhidmatan menunjukkan pertumbuhan yang pesat dan menyumbang lebih besar kepada KDNK.

Carta 1: Sumbangan Sektor Ekonomi dalam KDNK (harga malar), 1970 - 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melalui fasa peralihan ini, sumbangan sektor Pertanian kepada KDNK menyusut kepada kurang daripada 10.0 peratus dalam dekad kebelakangan ini. Meskipun peranannya semakin mengecil, sektor ini kekal relevan kerana ia terus memainkan peranan penting dalam membekalkan bahan mentah domestik bagi industri pemprosesan makanan, menjamin pembekalan berterusan makanan, serta menyumbang kepada eksport dan pendapatan negara. Oleh itu, sektor ini masih merupakan penyumbang penting kepada kesejahteraan sosioekonomi negara.

Perkembangan Subsektor Pertanian Malaysia

Berdasarkan KDNK, komposisi sumbangan subsektor Pertanian telah berubah dengan ketara antara tahun 2005 hingga 2023. Subsektor Kelapa Sawit kekal sebagai penyumbang terbesar, menyumbang lebih daripada 35.0 peratus kepada sektor Pertanian.

Carta 2: Sumbangan Subsektor Pertanian Malaysia (harga malar), 2005–2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam tempoh yang sama, subsektor Pertanian Lain mencatatkan pertumbuhan kukuh, daripada 14.5 peratus pada tahun 2005 kepada hampir 30.0 peratus pada tahun 2023. Perkembangan ini mencerminkan usaha berterusan untuk mempelbagaikan sektor Pertanian dan mengurangkan kebergantungan kepada komoditi tertentu yang terdedah kepada turun naik harga di pasaran global. Sementara itu, sumbangan subsektor Perhutanan dan Pembalakan terus merosot secara konsisten, daripada 17.7 peratus pada 2005 kepada kurang daripada 5.0 peratus pada tahun 2023. Sumbangan subsektor Perikanan pula kekal stabil, manakala subsektor Ternakan menunjukkan peningkatan yang menggalakkan selari dengan keperluan bekalan makanan tempatan.

Peralihan ini boleh dikaitkan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 yang bertujuan membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat Melayu, khususnya mereka yang terlibat dalam Pertanian tradisional. Dasar ini telah mendorong pemodenan kawasan luar bandar melalui peningkatan daya pengeluaran.

Daripada sudut manfaat kepada negara, khususnya dalam memenuhi keperluan penggubal dasar serta komuniti penyelidik, pemahaman mendalam terhadap potensi setiap subsektor dalam sektor Pertanian adalah penting bagi merangka strategi pembangunan dan pelaburan yang lebih berkesan, serta menilai keberkesanan dasar yang telah dilaksanakan.

Landskap Pertanian Lain di Malaysia

Carta 3: Nilai Ditambah dan Sumbangan Peratusan pada Harga Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK aktiviti Pertanian Lain menunjukkan peningkatan konsisten daripada RM22.7 bilion pada 2015 kepada RM27.6 bilion pada 2019. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit penurunan pada tahun 2020 kepada RM26.8 bilion, berkemungkinan disebabkan faktor luar seperti gangguan ekonomi atau pandemik global. Namun, ia meningkat semula kepada RM30.2 bilion pada tahun 2023, mencatatkan tahap tertinggi dalam tempoh ini.

Dari segi sumbangan, aktiviti Pertanian Lain didapati kekal stabil antara 1.8 peratus hingga 1.9 peratus bagi tempoh 2015 hingga 2021, menandakan kepentingan aktiviti ini terhadap ekonomi. Namun pada 2022, sumbangan aktiviti Tanaman Lain mencatatkan 1.6 peratus dan 1.7 peratus pada 2023. Walaupun sumbangannya mengalami turun naik, aktiviti ini mengekalkan sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara.

Pembekalan dan Penggunaan

Sektor Pertanian merupakan komponen penting dalam memastikan kestabilan bekalan makanan dan keselamatan makanan negara. Akaun Pembekalan dan Penggunaan (APU) digunakan untuk menilai keseimbangan antara pengeluaran tempatan dan import bagi memenuhi permintaan domestik. Melalui analisis APU, tahap sara diri sesuatu komoditi serta kebergantungan kepada import dapat dikenal pasti, sekali gus membantu dalam merangka dasar Pertanian yang lebih mampan. Kajian ini memberi tumpuan kepada trend pembekalan dan penggunaan beberapa tanaman utama di Malaysia dalam tempoh tertentu bagi memahami corak pengeluaran, penggunaan, serta keperluan import. Maklumat ini penting bagi memastikan sektor Pertanian negara berkembang secara lestari dan mampu memenuhi keperluan makanan rakyat tanpa terlalu bergantung kepada sumber luar.

Jadual 1: Akaun Pembekalan dan Penggunaan bagi Komoditi Terpilih, Malaysia, 2019-2023

Item	Tahun	Pembekalan			Penggunaan							Penggunaan per kapita		Kadar sara diri (peratus)	Kadar kebergantungan import (peratus)
		Pengeluaran	import	Jumlah Pembekalan	Ekspor	Benih	Makanan temakan	Kerugian	Prosesan	Makanan	Jumlah Penggunaan	Kuantiti setahun	Kuantiti sehari		
		(tan metrik)	(tan metrik)	(tan metrik)	(tan metrik)	(tan metrik)	(tan metrik)	(tan metrik)	(tan metrik)	(tan metrik)	(tan metrik)	(kg/tahun)	(g/hari)		
Kelapa	2019	536,605.7	263,622.2	790,227.9	3,327.5	268.3	-	19,672.5	28,313.5	738,646.1	790,227.9	22.7	62.2	68.2	32.2
	2020	560,984.3	286,031.2	847,015.5	4,659.2	280.5	-	21,058.9	30,308.9	790,708.0	847,015.5	24.4	65.8	66.6	34.0
	2021	557,353.7	254,465.2	811,808.9	11,025.4	278.7	-	20,019.6	28,813.0	781,672.3	811,808.9	23.1	63.2	69.6	31.8
	2022	604,428.4	252,091.4	856,519.8	12,580.7	302.2	-	21,098.5	30,365.8	792,172.6	856,519.8	24.2	66.4	71.6	29.9
	2023	623,662.7	271,793.2	895,396.0	8,497.6	311.8	-	22,172.5	31,911.5	832,502.6	895,396.0	24.9	68.3	70.3	30.6
Jagung manis	2019	60,497.9	3,307.0	63,804.9	6,919.2	-	-	-	7,177.3	49,708.4	63,804.9	1.5	4.2	106.3	5.8
	2020	68,207.4	3,287.9	71,495.3	6,882.6	-	-	-	8,152.2	56,450.5	71,495.3	1.7	4.8	105.6	5.1
	2021	74,735.0	3,782.7	78,517.7	8,187.6	-	-	-	8,873.6	61,456.5	78,517.7	1.9	5.2	106.3	5.4
	2022	63,154.7	2,722.1	65,876.8	7,730.8	-	-	-	7,336.3	50,809.7	65,876.8	1.6	4.3	108.6	4.7
	2023	63,508.0	2,322.0	65,830.0	8,224.3	-	-	-	7,268.2	50,337.6	65,830.0	1.5	4.1	110.2	4.0
Tebu	2019	20,761.1	112.8	20,873.9	10,856.1	-	-	-	9,917.6	100.2	20,873.9	0.003	0.008	207.2	1.1
	2020	23,519.4	153.4	23,672.8	8,750.1	-	-	-	14,763.6	149.1	23,672.8	0.005	0.013	157.7	1.0
	2021	25,591.1	81.5	25,672.5	8,543.5	-	-	-	16,957.8	171.3	25,672.5	0.005	0.014	149.4	0.5
	2022	26,032.4	117.1	25,149.5	7,835.9	-	-	-	17,140.4	173.1	25,149.5	0.005	0.015	144.6	0.7
	2023	20,364.2	306.6	20,670.8	8,093.4	-	-	-	12,451.6	125.8	20,670.8	0.004	0.010	161.9	2.4
Halia	2019	11,412.8	59,544.8	70,957.6	303.4	-	5,652.3	-	-	65,001.9	70,957.6	2.0	5.5	16.2	84.3
	2020	11,751.2	50,586.8	62,338.0	305.9	-	4,962.6	-	-	57,069.6	62,338.0	1.8	4.8	18.9	81.5
	2021	8,718.6	51,737.3	60,455.9	656.8	-	4,783.9	-	-	55,015.2	60,455.9	1.7	4.6	14.6	86.6
	2022	10,623.3	57,136.6	67,759.9	1,028.4	-	5,338.5	-	-	61,392.9	67,759.9	1.9	5.1	15.9	85.6
	2023	10,784.7	55,354.8	66,139.5	2,275.3	-	5,109.1	-	-	58,755.1	66,139.5	1.8	4.8	16.9	86.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1 menunjukkan data Akaun Pembekalan dan Penggunaan bagi Pertanian Lain Terpilih di Malaysia dari tahun 2019 hingga 2023, termasuk maklumat mengenai pembekalan, penggunaan, penggunaan per kapita, kadar sara diri dan kadar kebergantungan import. Secara keseluruhan, terdapat variasi dalam trend pengeluaran dan import bagi setiap tanaman yang memberi gambaran tentang tahap kebergantungan negara terhadap sumber domestik dan luar negara untuk memenuhi permintaan.

Bagi kelapa, pengeluaran meningkat secara konsisten daripada 536,605.7 tan metrik (2019) kepada 623,662.7 tan metrik (2023). Walaupun begitu, import kekal tinggi sekitar 250,000 – 286,000 tan metrik setiap tahun, menunjukkan kebergantungan yang berterusan terhadap sumber luar.

Majoriti kelapa digunakan untuk makanan dengan penggunaan tahunan melebihi 730,000 tan metrik. Kadar sara diri bagi kelapa meningkat secara marginal daripada 68.2 peratus pada 2019 kepada 70.3 peratus pada 2023, manakala kadar kebergantungan terhadap import menurun daripada 32.2 peratus kepada 30.6 peratus dalam tempoh yang sama. Ini menunjukkan bahawa pengeluaran tempatan berupaya untuk memenuhi permintaan domestik, sekali gus mengurangkan kebergantungan negara kepada import.

Dalam kes jagung manis, pengeluaran menunjukkan turun naik dengan jumlah tertinggi 74,735.0 tan metrik pada 2021 sebelum menurun kepada 63,508.0 tan metrik pada 2023. Import juga berkurang dari 3,307.0 tan metrik pada 2019 kepada 2,322.0 tan metrik pada 2023, mencerminkan kebergantungan yang rendah kepada import. Jagung manis digunakan sepenuhnya untuk makanan dan pemprosesan tanpa peruntukan untuk benih atau makanan ternakan. Kadar sara diri meningkat daripada 106.3 peratus (2019) kepada 110.2 peratus (2023), dengan kadar kebergantungan import yang semakin menurun. Secara keseluruhan, Malaysia hampir berdikari dalam pengeluaran jagung manis.

Tebu pula menunjukkan penurunan dalam pengeluaran kepada 20,364.2 tan metrik pada 2023 berbanding 25,032.4 tan metrik pada tahun sebelumnya. Import kekal rendah di bawah 310 tan metrik setiap tahun. Hampir keseluruhan tebu digunakan untuk pemprosesan, dengan hanya sebahagian kecil digunakan sebagai makanan. Kadar sara diri pada 2019 ialah 207.2 peratus dan 161.9 peratus pada 2023, menunjukkan pengeluaran tempatan yang mencukupi. Kadar kebergantungan import pula kekal di bawah 2.5 peratus sepanjang tempoh dikaji. Ini menunjukkan bahawa pengeluaran tebu di Malaysia adalah memenuhi keperluan domestik.

Pengeluaran halia merekodkan 10,784.7 tan metrik pada 2023 dan import kekal tinggi sekitar 50,000 – 59,000 tan metrik setiap tahun, menunjukkan kebergantungan tinggi kepada halia dari negara lain. Sebahagian besar halia digunakan untuk makanan dengan jumlah penggunaan tahunan melebihi 55,000 tan metrik. Kadar sara diri adalah rendah dan stabil sekitar 15-19 peratus, menunjukkan pengeluaran tempatan masih jauh daripada mencukupi keperluan. Pada masa yang sama, kadar kebergantungan import adalah sangat tinggi, melebihi 80 peratus sepanjang tempoh 2019 hingga 2023. Ini membuktikan bahawa Malaysia sangat bergantung kepada import untuk memenuhi permintaan halia negara, dengan pengeluaran tempatan yang terhad.

Kesimpulan

Sektor Pertanian memainkan peranan penting dalam pembangunan negara meskipun berdepan dengan cabaran antarabangsa dan persaingan daripada sektor lain. Walaupun sumbangan sektor Pertanian kepada ekonomi menunjukkan trend penurunan berikutan peralihan struktur ekonomi, peranannya kekal kritikal dalam menjamin bekalan makanan utama seperti padi dan kelapa. Produk pertanian memastikan keterjaminan makanan negara melalui penyediaan bekalan makanan yang mencukupi, selamat dan berterusan. Ia menjadi asas kepada pengeluaran domestik yang mampu mengurangkan kebergantungan terhadap import, sekali gus mengukuhkan daya tahan negara terhadap gangguan rantaian bekalan global, perubahan iklim dan krisis global.

Oleh itu, usaha berterusan ke arah pemodenan sektor Pertanian, peningkatan produktiviti, pengukuhan rantai nilai makanan dan penyelidikan agrikultur adalah penting untuk memastikan keterjaminan makanan negara dalam jangka panjang. Pendekatan menyeluruh dan mampan perlu diterapkan bagi menjadikan sektor ini lebih berdaya tahan, berdaya saing dan relevan dengan keperluan masa hadapan.

Penafian

Pandangan yang diutarakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

Rujukan

Jabatan Pertanian Malaysia. (n.d.) Aliran Kewangan Tanaman. Serdang: UPM.

Jabatan Pertanian Malaysia. (2023). Statistik Tanaman (Sub-Sektor Tanaman Makanan) 2023. Serdang: UPM.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). National Akaun Pembekalan dan Penggunaan (SUA) Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2018-2022. Putrajaya: DOSM.

Landskap Industri Kelapa di Malaysia: Dari Ladang ke Dunia

Noor Masayu Mhd Khalili¹, Siti Rabiah Abdul Rauf¹, Najihah Ahmad Latif²

¹Bahagian Petunjuk Ekonomi, ²Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar
Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengenalan

Kelapa merupakan tanaman serba guna yang memberi manfaat sosial dan ekonomi kepada masyarakat tempatan. Selain menjadi simbol budaya dan makanan tradisional, kelapa juga menyumbang kepada pendapatan ribuan petani kecil di seluruh negara. Walaupun tidak sepopuler industri kelapa sawit atau getah, industri kelapa tetap memainkan peranan yang besar dalam menyediakan bahan mentah untuk makanan, kosmetik, biofuel dan pelbagai produk berasaskan pertanian. Dengan sejarah penanaman yang panjang dan nilai komersial yang semakin meningkat, industri ini wajar diberi perhatian lebih mendalam bagi menilai keberkesannya serta potensi pertumbuhan pada masa hadapan selaras dengan agenda pertanian lestari negara.

Kelapa mempunyai nama saintifiknya iaitu *Cocos Nucifera*. Ia merupakan sejenis tumbuhan yang bertaburan luas di kawasan beriklim tropika. Menurut penyelidikan genetik semasa, Indo-Pasifik Tengah, yang terletak di antara barat Asia Tenggara dan Melanesia dan mempunyai kepelbagaian genetik tertinggi, adalah tempat asal kelapa. Kelapa adalah dari keluarga *Arecaceae* atau keluarga *Palmae* merupakan tumbuhan pelbagai guna dari bahagian batang, daun dan buahnya. Pokok kelapa tumbuh dari sebiji benih (buah kelapa) dan ia mengambil masa antara tiga (3) hingga lapan (8) tahun untuk berbuah dan hidup antara 60 hingga 100 tahun. Empat (4) jenis kelapa yang popular ditanam di Malaysia adalah Kelapa Matag, Kelapa Mawa, Kelapa Tinggi Malaya (*Malayan Tall*) dan Kelapa Pandan.

Jenis-jenis Kelapa



Kelapa Matag



Kelapa Mawa



Kelapa Tinggi Malaya



Kelapa Pandan

Pengeluaran Kelapa

Malaysia mencatatkan pengeluaran lebih 500 juta biji kelapa setiap tahun dengan kawasan penanaman sekitar 74.6 ribu hektar. Negeri-negeri seperti Johor, Selangor dan Perak menjadi peneraju utama industri ini. Antara jenis kelapa yang paling popular dalam kalangan pekebun termasuklah kelapa pandan Matag dan Mawa. Semuanya mempunyai keistimewaan tersendiri dari segi rasa, hasil dan nilai pasaran. Pengeluaran kelapa dunia dibekalkan oleh negara beriklim tropika termasuk Malaysia.

Antarabangsa

Food and Agriculture Organization (FAO) melaporkan bahawa pengeluaran kelapa di seluruh dunia telah meningkat dari semasa ke semasa. Negara-negara tropika di Asia dan Pasifik adalah pengeluar kelapa utama dunia. Lima negara pengeluar utama kelapa pada 2022 ialah Indonesia, Filipina, India, Brazil dan Sri Lanka.

Jadual 1: Pengeluaran Kelapa Mengikut Negara, 2022

Pengeluaran Kelapa mengikut Negara	
Negara	Pengeluaran (Tan metrik)
Indonesia	17,190,328
Filipina	14,931,158
India	13,317,000
Brazil	2,744,418
Sri Lanka	2,204,150
Vietnam	1,930,182
Papua New Guinea	1,258,149
Myanmar	1,217,442
Mexico	1,119,847
Thailand	679,232
Malaysia	604,428

Sumber: *Food and Agriculture Organisation*

Indonesia merupakan pengeluar kelapa terbesar dunia dengan jumlah pengeluaran mencapai 17.2 juta tan metrik. Ini diikuti oleh Filipina yang mencatatkan pengeluaran 14.9 juta tan metrik dan India dengan 13.3 juta tan metrik. Negara-negara ini menunjukkan penguasaan yang ketara dalam industri kelapa, menyumbang sebahagian besar daripada jumlah pengeluaran global.


Negara-negara lain seperti Brazil, Sri Lanka, Vietnam dan Papua New Guinea juga menyumbang dengan jumlah yang signifikan, masing-masing melebihi 1 juta tan metrik. Malaysia pula mencatatkan pengeluaran 604.4 ribu tan metrik, menjadikannya antara negara yang menyumbang kepada pembekalan kelapa global.

Malaysia

Trend pengeluaran kelapa di Malaysia menunjukkan turun naik bagi tempoh 2018 hingga 2023, namun secara keseluruhan mencerminkan peningkatan yang positif. Pada tahun 2018, pengeluaran kelapa bermula pada paras 491.5 ribu tan metrik. Tahun berikutnya menyaksikan peningkatan mendadak apabila jumlah pengeluaran melonjak kepada 635.6 ribu tan metrik pada 2019, menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan.

Namun pada tahun 2020, pengeluaran menurun kepada 561.0 ribu tan metrik dan seterusnya menurun kepada 557.4 ribu tan metrik pada 2021. Pada tahun 2022, terdapat tanda-tanda pemulihan apabila pengeluaran meningkat kepada 604.4 ribu tan metrik. Pemulihan ini diteruskan dengan lebih ketara pada 2023 yang mencatatkan pengeluaran tertinggi sepanjang tempoh yang dikaji iaitu mencapai 727.5 ribu tan metrik.


Carta 1: Pengeluaran Kelapa, Malaysia, 2018—2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 2023, industri kelapa di Malaysia menyaksikan sumbangan ketara daripada tiga negeri utama. Johor merupakan penyumbang utama dengan jumlah pengeluaran 266.9 ribu tan metrik. Ini diikuti oleh Selangor yang mencatatkan pengeluaran 178.6 ribu tan metrik. Meskipun lebih dikenali sebagai negeri perindustrian dan pembangunan bandar, Selangor masih menyumbang kepada penghasilan kelapa negara. Perak pula mengeluarkan 115.4 ribu tan metrik kelapa pada 2023. Gabungan ketiga-tiga negeri ini menyumbang 77.1 peratus kepada keseluruhan pengeluaran kelapa negara, sekaligus memainkan peranan penting dalam menjamin bekalan kelapa.

Carta 2: Pengeluaran Kelapa Mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Penggunaan Per Kapita Kelapa

Penggunaan per kapita (PCC) kelapa merujuk kepada jumlah purata penggunaan kelapa oleh setiap individu dalam tempoh setahun. Secara keseluruhan, trend penggunaan menunjukkan peningkatan yang stabil dengan sedikit turun naik pada tahun-tahun tertentu. Pada tahun 2018, penggunaan per kapita kelapa direkodkan 21.4 kilogram setahun. Jumlah ini meningkat kepada 22.7 kilogram pada tahun 2019 dan terus mencatat peningkatan ketara kepada 24.4 kilogram pada tahun 2020. Namun, pada tahun 2021, penggunaan menurun sedikit kepada 23.1 kilogram, dipercayai disebabkan oleh faktor gangguan rantaian bekalan dan perubahan corak perbelanjaan isi rumah susulan pandemik COVID-19.

Trend peningkatan kembali direkodkan pada tahun 2022 dengan penggunaan sebanyak 24.2 kilogram, dan seterusnya mencecah 24.9 kilogram pada tahun 2023, nilai tertinggi sepanjang tempoh ini. Peningkatan ini menggambarkan pertumbuhan permintaan terhadap kelapa dan produk berasaskan kelapa dalam kalangan pengguna tempatan. Justeru, pengeluaran kelapa perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan kebergantungan kepada import dan seterusnya menyokong peningkatan PCC kelapa dalam negara.

Secara keseluruhannya, PCC ini menunjukkan prospek yang positif bagi subsektor kelapa di Malaysia. Justeru, ia memberikan isyarat yang jelas kepada pihak berkepentingan agar terus memperkukuh rantaian nilai kelapa melalui peningkatan produktiviti, pelaburan dalam pemprosesan, serta perluasan pasaran domestik dan eksport.

Carta 3: Penggunaan Per Kapita (PCC) Kelapa, Malaysia, 2018—2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perdagangan Kelapa


Industri kelapa di Malaysia memainkan peranan penting dalam sektor agromakanan negara, bukan sahaja untuk kegunaan domestik tetapi juga dalam perdagangan antarabangsa. Walaupun Malaysia bukan pengeluar utama kelapa di peringkat global, Malaysia terlibat dalam aktiviti eksport dan import produk kelapa, terutamanya dalam bentuk produk hiliran yang mempunyai nilai tambah.

Jumlah import kelapa Malaysia adalah jauh lebih tinggi berbanding eksport dalam tempoh 2018 hingga 2023. Import kelapa menunjukkan trend yang agak stabil dengan import tertinggi iaitu 286.0 ribu tan metrik direkodkan pada tahun 2020, manakala import terendah adalah pada tahun 2018 iaitu 250.1 ribu tan metrik. Pada tahun 2023, import meningkat semula kepada 271.7 ribu tan metrik berbanding 252.1 ribu tan metrik pada tahun sebelumnya.

Sebaliknya, eksport kelapa kekal pada paras yang rendah berbanding import. Eksport tertinggi dicatatkan pada tahun 2022 dengan 12.6 ribu tan metrik, manakala yang terendah dengan hanya 3.3 ribu tan metrik pada tahun 2019. Walaupun terdapat peningkatan ketara dalam eksport pada tahun 2021 dan 2022, nilai eksport menurun semula kepada 8.5 ribu tan metrik pada tahun 2023.

Situasi ini menunjukkan bahawa Malaysia masih bergantung kepada import kelapa untuk memenuhi keperluan domestik, manakala aktiviti eksport kekal terhad. Usaha untuk meningkatkan pengeluaran tempatan dan daya saing eksport boleh dipertimbangkan bagi mengimbangi perdagangan kelapa negara.

Carta 4: Perdagangan Import dan Eksport Kelapa, Malaysia, 2018—2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbandingan antara Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) bagi komoditi kelapa di Malaysia dari tahun 2018 hingga 2023 menunjukkan bahawa trend kadar SSR adalah agak stabil, manakala kadar IDR pula menunjukkan penurunan secara beransur-ansur.

Pada tahun 2018, kadar SSR ialah 66.6 peratus, manakala kadar IDR ialah 33.9 peratus. Kadar SSR tertinggi dicatatkan pada tahun 2022 iaitu sebanyak 71.6 peratus, manakala kadar IDR terendah pada tahun yang sama iaitu 29.9 peratus. Pada tahun 2023, kadar SSR sedikit menurun kepada 70.3 peratus, namun masih menunjukkan tahap sara diri yang tinggi, manakala kadar IDR juga mencatatkan penurunan lanjut kepada 30.6 peratus.

Carta 5: Kadar Sara Diri (SSR) dan Kadar Kebergantungan Import (IDR) Kelapa, Malaysia, 2018 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Membina Masa Depan Industri Kelapa: Antara Cabaran dan Peluang

Walaupun berpotensi tinggi, industri kelapa Malaysia berdepan beberapa cabaran utama. Antaranya ialah hasil yang lebih rendah berbanding negara jiran seperti Indonesia dan Filipina. Kekurangan tenaga kerja mahir, kaedah tuaian yang masih manual serta persaingan daripada produk import turut menjejaskan daya saing sekali gus menjejaskan pendapatan petani kecil. Selain itu, kawasan baharu untuk tanaman kelapa juga sukar diperluaskan disebabkan tekanan pembangunan dan persaingan dengan tanaman lain.

Menyedari potensi besar industri ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan hasil dan daya saing industri kelapa. Antaranya termasuklah Program Transformasi Industri Kelapa yang bertujuan untuk memperkenalkan varieti kelapa baharu yang lebih produktif seperti kelapa Matag. Selain itu, insentif turut diberikan kepada pekebun kecil melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan agensi pertanian negeri. Dalam usaha jangka panjang, pengenalan teknologi moden dan automasi dalam pemprosesan hasil kelapa juga dilihat sebagai langkah penting untuk memodenkan industri ini.

Dengan permintaan global terhadap produk organik dan semula jadi yang semakin meningkat, kelapa berada dalam posisi yang strategik. Selain itu, sektor ini turut mempunyai potensi dalam bidang eko-pelancongan dan agro-pelancongan contohnya ladang kelapa yang dibuka kepada pelawat. Teknologi dan automasi juga mampu membuka ruang baharu dalam pemprosesan hasil kelapa, menjadikannya lebih cekap dan menguntungkan. Permintaan terhadap produk berasaskan kelapa, khususnya yang bersifat semula jadi dan organik, dijangka terus meningkat di peringkat antarabangsa. Malaysia berpotensi menembusi pasaran niche dengan penekanan terhadap produk premium seperti minyak kelapa dara organik, air kelapa segar dan produk hiliran bernilai tinggi.

Dengan sokongan dasar kerajaan, penerapan teknologi moden dan penglibatan swasta, industri kelapa mampu menjadi salah satu penyumbang penting dalam matlamat Malaysia untuk memperkukuh sektor agromakanan menjelang 2030. Potensi industri kelapa di Malaysia sebenarnya sangat besar, terutamanya dalam memenuhi permintaan global terhadap produk berasaskan kelapa yang organik dan mesra alam. Selain daripada nilai ekonominya, industri ini juga boleh dimajukan dari segi pelancongan pertanian dan produk inovatif yang berasaskan kelapa. Justeru, kerjasama antara kerajaan, swasta dan komuniti tani amat penting untuk melonjakkan industri ini ke tahap yang lebih tinggi.

Kesimpulan

Kesimpulannya, walaupun kelapa dianggap sebagai tanaman tradisional, potensinya jauh melangkaui apa yang kita bayangkan. Dengan sokongan berterusan, inovasi dan kerjasama antara kerajaan dan pemain industri, kelapa boleh menjadi antara pemacu pertumbuhan ekonomi agro di Malaysia. Industri kelapa di Malaysia masih mempunyai ruang untuk berkembang jika diberi perhatian serius dan ditangani dengan strategi yang berkesan. Dengan memanfaatkan teknologi moden serta sokongan padu daripada pelbagai pihak, industri kelapa berpotensi menjadi salah satu pemacu utama sektor pertanian negara pada masa akan datang.

Penafian

Pandangan yang diutarakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

Rujukan

Jabatan Pertanian Malaysia. (n.d.) Aliran Kewangan Tanaman. Serdang: UPM.

Jabatan Pertanian Malaysia. (2023). Statistik Tanaman (Sub-Sektor Tanaman Makanan) 2023. Serdang: UPM.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). National Akaun Pembekalan dan Penggunaan (SUA) Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2018-2022. Putrajaya: DOSM.



JADUAL STATISTIK

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Table 1.0: Agriculture Holdings for Other Crop by State, Malaysia, 2023

Negeri	Individu		Pertubuhan		Pegangan Pertanian	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Malaysia	38,302	96.6	1,344	3.4	39,646	100.0
Johor	5,328	13.4	376	0.9	5,704	14.4
Kedah	1,215	3.1	65	0.2	1,280	3.2
Kelantan	3,148	7.9	13	0.0	3,161	8.0
Melaka	757	1.9	35	0.1	792	2.0
Negeri Sembilan	579	1.5	96	0.2	675	1.7
Pahang	1,248	3.1	235	0.6	1,483	3.7
Pulau Pinang	298	0.8	60	0.2	358	0.9
Perak	4,958	12.5	138	0.3	5,096	12.9
Perlis	215	0.5	4	0.0	219	0.6
Selangor	1,897	4.8	170	0.4	2,067	5.2
Terengganu	8,873	22.4	37	0.1	8,910	22.5
Sabah	3,822	9.6	27	0.1	3,849	9.7
Sarawak	5,839	14.7	51	0.1	5,890	14.9
W.P. Kuala Lumpur	21	0.1	33	0.1	54	0.1
W.P. Labuan	98	0.2	2	0.0	100	0.3
W.P. Putrajaya	6	0.0	2	0.0	8	0.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

- 1. Analisa pada 28 Mei 2025**
- 2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian**

*** Notes:**

- 1. Analysis as at 28 Mei 2025**
- 2. State refer to the location where the agricultural holder reside**

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023*Table 1.1: Agriculture Holding of Other Crops by Administrative District, Malaysia, 2023*

Daerah	Individu		Pertubuhan		Pegangan Pertanian	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Malaysia	38,302	96.6	1,344	3.4	39,646	100.0
Johor	5,328	13.4	376	0.9	5,704	14.4
Batu Pahat	538	1.4	67	0.2	605	1.5
Johor Bahru	310	0.8	39	0.1	349	0.9
Kluang	165	0.4	28	0.1	193	0.5
Kota Tinggi	230	0.6	40	0.1	270	0.7
Mersing	390	1.0	2	0.0	392	1.0
Muar	632	1.6	99	0.2	731	1.8
Pontian	661	1.7	16	0.0	677	1.7
Segamat	351	0.9	26	0.1	377	1.0
Kulai	1,637	4.1	33	0.1	1,670	4.2
Tangkak	414	1.0	26	0.1	440	1.1
Kedah	1,215	3.1	65	0.2	1,280	3.2
Baling	218	0.5	10	0.0	228	0.6
Bandar Baharu	17	0.0	4	0.0	21	0.1
Kota Setar	61	0.2	10	0.0	71	0.2
Kuala Muda	203	0.5	10	0.0	213	0.5
Kubang Pasu	137	0.3	2	0.0	139	0.4
Kulim	51	0.1	8	0.0	59	0.1
Langkawi	127	0.3	10	0.0	137	0.3
Padang Terap	122	0.3	2	0.0	124	0.3
Sik	145	0.4	-	-	145	0.4
Yan	60	0.2	1	0.0	61	0.2
Pendang	28	0.1	4	0.0	32	0.1
Pokok Sena	46	0.1	4	0.0	50	0.1

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.1: Agriculture Holding of Other Crops by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah	Individu		Pertubuhan		Pegangan Pertanian	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Kelantan	3,148	7.9	13	0.0	3,161	8.0
Bachok	801	2.0	1	0.0	802	2.0
Kota Bharu	496	1.3	5	0.0	501	1.3
Machang	204	0.5	1	0.0	205	0.5
Pasir Mas	287	0.7	-	-	287	0.7
Pasir Puteh	257	0.6	1	0.0	258	0.7
Tanah Merah	147	0.4	1	0.0	148	0.4
Tumpat	503	1.3	2	0.0	505	1.3
Gua Musang	66	0.2	1	0.0	67	0.2
Kuala Krai	234	0.6	1	0.0	235	0.6
Jeli	145	0.4	-	-	145	0.4
Jajahan Kecil Lojing	8	0.0	-	-	8	0.0
Melaka	757	1.9	35	0.1	792	2.0
Alor Gajah	265	0.7	6	0.0	271	0.7
Jasin	258	0.7	8	0.0	266	0.7
Melaka Tengah	234	0.6	21	0.1	255	0.6
Negeri Sembilan	579	1.5	96	0.2	675	1.7
Jelevu	93	0.2	3	0.0	96	0.2
Kuala Pilah	80	0.2	11	0.0	91	0.2
Port Dickson	111	0.3	6	0.0	117	0.3
Rembau	61	0.2	8	0.0	69	0.2
Seremban	171	0.4	42	0.1	213	0.5
Tampin	38	0.1	7	0.0	45	0.1
Jempol	25	0.1	19	0.0	44	0.1

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.1: Agriculture Holding of Other Crops by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah	Individu		Pertubuhan		Pegangan Pertanian	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Pahang	1,248	3.1	235	0.6	1,483	3.7
Bentong	223	0.6	16	0.0	239	0.6
Cameron Highlands	257	0.6	172	0.4	429	1.1
Jerantut	36	0.1	6	0.0	42	0.1
Kuantan	215	0.5	3	0.0	218	0.5
Lipis	62	0.2	5	0.0	67	0.2
Pekan	109	0.3	2	0.0	111	0.3
Raub	70	0.2	2	0.0	72	0.2
Temerloh	99	0.2	19	0.0	118	0.3
Rompin	68	0.2	5	0.0	73	0.2
Maran	36	0.1	4	0.0	40	0.1
Bera	73	0.2	1	0.0	74	0.2
Pulau Pinang	298	0.8	60	0.2	358	0.9
Seberang Perai Tengah	117	0.3	14	0.0	131	0.3
Seberang Perai Utara	88	0.2	16	0.0	104	0.3
Seberang Perai Selatan	49	0.1	13	0.0	62	0.2
Timur Laut	5	0.0	9	0.0	14	0.0
Barat Daya	39	0.1	8	0.0	47	0.1
Perak	4,958	12.5	138	0.3	5,096	12.9
Batang Padang	1,367	3.4	13	0.0	1,380	3.5
Manjung	557	1.4	10	0.0	567	1.4
Kinta	534	1.3	63	0.2	597	1.5
Kerian	92	0.2	2	0.0	94	0.2
Kuala Kangsar	532	1.3	6	0.0	538	1.4
Larut Dan Matang	473	1.2	9	0.0	482	1.2
Hilir Perak	200	0.5	5	0.0	205	0.5
Hulu Perak	208	0.5	8	0.0	216	0.5
Perak Tengah	64	0.2	6	0.0	70	0.2
Kampar	58	0.1	7	0.0	65	0.2
Muallim	228	0.6	1	0.0	229	0.6
Bagan Datuk	590	1.5	7	0.0	597	1.5
Selama	55	0.1	1	0.0	56	0.1

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.1: Agriculture Holding of Other Crops by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah	Individu		Pertubuhan		Pegangan Pertanian	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Perlis	215	0.5	4	0.0	219	0.6
Selangor	1,897	4.8	170	0.4	2,067	5.2
Gombak	243	0.6	55	0.1	298	0.8
Klang	182	0.5	13	0.0	195	0.5
Kuala Langat	86	0.2	17	0.0	103	0.3
Kuala Selangor	313	0.8	10	0.0	323	0.8
Petaling	60	0.2	22	0.1	82	0.2
Sabak Bernam	812	2.0	15	0.0	827	2.1
Sepang	37	0.1	6	0.0	43	0.1
Hulu Langat	81	0.2	18	0.0	99	0.2
Hulu Selangor	83	0.2	14	0.0	97	0.2
Terengganu	8,873	22.4	37	0.1	8,910	22.5
Besut	388	1.0	6	0.0	394	1.0
Dungun	1,906	4.8	6	0.0	1,912	4.8
Kemaman	1,204	3.0	4	0.0	1,208	3.0
Kuala Terengganu	1,683	4.2	5	0.0	1,688	4.3
Marang	1,433	3.6	6	0.0	1,439	3.6
Hulu Terengganu	347	0.9	6	0.0	353	0.9
Setiu	799	2.0	1	0.0	800	2.0
Kuala Nerus	1,113	2.8	3	0.0	1,116	2.8

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.1: Agriculture Holding of Other Crops by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah	Individu		Pertubuhan		Pegangan Pertanian	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Sabah	3,822	9.6	27	0.1	3,849	9.7
Tawau	810	2.0	1	0.0	811	2.0
Lahad Datu	62	0.2	1	0.0	63	0.2
Semporna	116	0.3	-	-	116	0.3
Sandakan	127	0.3	2	0.0	129	0.3
Kinabatangan	76	0.2	-	-	76	0.2
Beluran	22	0.1	-	-	22	0.1
Kota Kinabalu	47	0.1	9	0.0	56	0.1
Ranau	404	1.0	1	0.0	405	1.0
Kota Belud	283	0.7	1	0.0	284	0.7
Tuaran	179	0.5	1	0.0	180	0.5
Penampang	144	0.4	4	0.0	148	0.4
Papar	105	0.3	-	-	105	0.3
Kudat	169	0.4	-	-	169	0.4
Kota Marudu	365	0.9	1	0.0	366	0.9
Pitas	101	0.3	-	-	101	0.3
Beaufort	103	0.3	-	-	103	0.3
Kuala Penyu	56	0.1	-	-	56	0.1
Sipitang	71	0.2	-	-	71	0.2
Tenom	45	0.1	2	0.0	47	0.1
Nabawan	35	0.1	-	-	35	0.1
Keningau	41	0.1	4	0.0	45	0.1
Tambunan	173	0.4	-	-	173	0.4
Kunak	81	0.2	-	-	81	0.2
Tongod	3	0.0	-	-	3	0.0
Putatan	30	0.1	-	-	30	0.1
Telupid	2	0.0	-	-	2	0.0
Kalabakan	55	0.1	-	-	55	0.1
Membakut	117	0.3	-	-	117	0.3

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.1: Agriculture Holding of Other Crops by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah	Individu		Pertubuhan		Pegangan Pertanian	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Sarawak	5,839	14.7	51	0.1	5,890	14.9
Kuching	545	1.4	13	0.0	558	1.4
Bau	201	0.5	2	0.0	203	0.5
Lundu	143	0.4	2	0.0	145	0.4
Samarahan	100	0.3	3	0.0	103	0.3
Serian	85	0.2	1	0.0	86	0.2
Simunjan	81	0.2	-	-	81	0.2
Sri Aman	59	0.1	-	-	59	0.1
Lubok Antu	43	0.1	-	-	43	0.1
Betong	75	0.2	-	-	75	0.2
Saratok	38	0.1	-	-	38	0.1
Sarikei	31	0.1	3	0.0	34	0.1
Maradong	30	0.1	-	-	30	0.1
Daro	163	0.4	1	0.0	164	0.4
Julau	37	0.1	-	-	37	0.1
Sibu	418	1.1	11	0.0	429	1.1
Dalat	413	1.0	-	-	413	1.0
Mukah	414	1.0	1	0.0	415	1.0
Kanowit	219	0.6	-	-	219	0.6
Bintulu	14	0.0	6	0.0	20	0.1
Tatau	104	0.3	-	-	104	0.3
Kapit	230	0.6	-	-	230	0.6
Song	88	0.2	-	-	88	0.2
Belaga	76	0.2	-	-	76	0.2
Miri	13	0.0	5	0.0	18	0.0
Marudi	13	0.0	-	-	13	0.0
Limbang	249	0.6	-	-	249	0.6
Lawas	182	0.5	-	-	182	0.5
Matu	277	0.7	-	-	277	0.7
Asajaya	357	0.9	2	0.0	359	0.9
Pakan	3	0.0	1	0.0	4	0.0
Selangau	147	0.4	-	-	147	0.4
Tebedu	63	0.2	-	-	63	0.2
Pusa	146	0.4	-	-	146	0.4
Kabong	18	0.0	-	-	18	0.0
Tanjung Manis	33	0.1	-	-	33	0.1
Sebauh	18	0.0	-	-	18	0.0
Bukit Mabong	8	0.0	-	-	8	0.0
Subis	148	0.4	-	-	148	0.4
Beluru	4	0.0	-	-	4	0.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agriculture Holding of Other Crops by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah	Individu		Pertubuhan		Pegangan Pertanian	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Telang Usan	3	0.0	-	-	3	0.0
Gedong	41	0.1	-	-	41	0.1
Sebuyau	290	0.7	-	-	290	0.7
Siburan	132	0.3	-	-	132	0.3
Pantu	36	0.1	-	-	36	0.1
Lingga	51	0.1	-	-	51	0.1
W.P. Kuala Lumpur	21	0.1	33	0.1	54	0.1
W.P. Labuan	98	0.2	2	0.0	100	0.3
W.P. Putrajaya	6	0.0	2	0.0	8	0.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian

* Notes:

1. Analysis as at 28 Mei 2025
2. State refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 1.2: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Lain mengikut Negeri, Malaysia, 2023*Table 1.2: Establishment Agriculture Holding for Other Crop by State, Malaysia, 2023*

Negeri State	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	1,344	100.00
Johor	376	27.98
Kedah	65	4.84
Kelantan	13	0.97
Melaka	35	2.60
Negeri Sembilan	96	7.14
Pahang	235	17.49
Pulau Pinang	60	4.46
Perak	138	10.27
Perlis	4	0.30
Selangor	170	12.65
Terengganu	37	2.75
Sabah	27	2.01
Sarawak	51	3.79
W.P. Kuala Lumpur	33	2.46
W.P. Labuan	2	0.15
W.P. Putrajaya	2	0.15

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

- 1. Analisa pada 28 Mei 2025**
- 2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian**

*** Notes:**

- 1. Analysis as at 28 May 2025**
- 2. State refer to the location where the agricultural holder reside**

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023*Table 1.3: Establishment Agriculture Holding for Other Crop by Administrative District, Malaysia, 2023*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Malaysia	1,344	100.00
Johor	376	27.98
Batu Pahat	67	4.99
Johor Bahru	39	2.90
Kluang	28	2.08
Kota Tinggi	40	2.98
Mersing	2	0.15
Muar	99	7.37
Pontian	16	1.19
Segamat	26	1.93
Kulai	33	2.46
Tangkak	26	1.93
Kedah	65	4.84
Baling	10	0.74
Bandar Baharu	4	0.30
Kota Setar	10	0.74
Kuala Muda	10	0.74
Kubang Pasu	2	0.15
Kulim	8	0.60
Langkawi	10	0.74
Padang Terap	2	0.15
Sik	-	.
Yan	1	0.07
Pendang	4	0.30
Pokok Sena	4	0.30

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.3: Establishment Agriculture Holding for Other Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Kelantan	13	0.97
Bachok	1	0.07
Kota Bharu	5	0.37
Machang	1	0.07
Pasir Mas	-	.
Pasir Puteh	1	0.07
Tanah Merah	1	0.07
Tumpat	2	0.15
Gua Musang	1	0.07
Kuala Krai	1	0.07
Jeli	-	.
Jajahan Kecil Lojing	-	.
Melaka	35	2.60
Alor Gajah	6	0.45
Jasin	8	0.60
Melaka Tengah	21	1.56
Negeri Sembilan	96	7.14
Jelevu	3	0.22
Kuala Pilah	11	0.82
Port Dickson	6	0.45
Rembau	8	0.60
Seremban	42	3.13
Tampin	7	0.52
Jempol	19	1.41

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)
Table 1.3: Establishment Agriculture Holding for Other Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Pahang	235	17.49
Bentong	16	1.19
Cameron Highlands	172	12.80
Jerantut	6	0.45
Kuantan	3	0.22
Lipis	5	0.37
Pekan	2	0.15
Raub	2	0.15
Temerloh	19	1.41
Rompin	5	0.37
Maran	4	0.30
Bera	1	0.07
Pulau Pinang	60	4.46
Seberang Perai Tengah	14	1.04
Seberang Perai Utara	16	1.19
Seberang Perai Selatan	13	0.97
Timur Laut	9	0.67
Barat Daya	8	0.60
Perak	138	10.27
Batang Padang	13	0.97
Manjung	10	0.74
Kinta	63	4.69
Kerian	2	0.15
Kuala Kangsar	6	0.45
Larut Dan Matang	9	0.67
Hilir Perak	5	0.37
Hulu Perak	8	0.60
Perak Tengah	6	0.45
Kampar	7	0.52
Muallim	1	0.07
Bagan Datuk	7	0.52
Selama	1	0.07

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.3: Establishment Agriculture Holding for Other Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran Administrative District	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Perlis	4	0.30
Selangor	170	12.65
Gombak	55	4.09
Klang	13	0.97
Kuala Langat	17	1.26
Kuala Selangor	10	0.74
Petaling	22	1.64
Sabak Bernam	15	1.12
Sepang	6	0.45
Hulu Langat	18	1.34
Hulu Selangor	14	1.04
Terengganu	37	2.75
Besut	6	0.45
Dungun	6	0.45
Kemaman	4	0.30
Kuala Terengganu	5	0.37
Marang	6	0.45
Hulu Terengganu	6	0.45
Setiu	1	0.07
Kuala Nerus	3	0.22

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.3: Establishment Agriculture Holding for Other Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sabah	27	2.01
Tawau	1	0.07
Lahad Datu	1	0.07
Semporna	-	.
Sandakan	2	0.15
Kinabatangan	-	.
Beluran	-	.
Kota Kinabalu	9	0.67
Ranau	1	0.07
Kota Belud	1	0.07
Tuaran	1	0.07
Penampang	4	0.30
Papar	-	.
Kudat	-	.
Kota Marudu	1	0.07
Pitas	-	.
Beaufort	-	.
Kuala Penyu	-	.
Sipitang	-	.
Tenom	2	0.15
Nabawan	-	.
Keningau	4	0.30
Tambunan	-	.
Kunak	-	.
Tongod	-	.
Putatan	-	.
Telupid	-	.
Kalabakan	-	.
Membakut	-	.

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.3: Establishment Agriculture Holding for Other Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)*

Daerah Pentadbiran Administrative District	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Sarawak	51	3.79
Kuching	13	0.97
Bau	2	0.15
Lundu	2	0.15
Samarahan	3	0.22
Serian	1	0.07
Simunjan	-	.
Sri Aman	-	.
Lubok Antu	-	.
Betong	-	.
Saratok	-	.
Sarikei	3	0.22
Maradong	-	.
Daro	1	0.07
Julau	-	.
Sibu	11	0.82
Dalat	-	.
Mukah	1	0.07
Kanowit	-	.
Bintulu	6	0.45
Tatau	-	.
Kapit	-	.
Song	-	.
Belaga	-	.
Miri	5	0.37
Marudi	-	.
Limbang	-	.
Lawas	-	.
Matu	-	.
Asajaya	2	0.15
Pakan	1	0.07
Selangau	-	.
Tebedu	-	.
Pusa	-	.
Kabong	-	.
Tanjung Manis	-	.
Sebauh	-	.
Bukit Mabong	-	.
Subis	-	.
Beluru	-	.

Jadual 1.3: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Tanaman Lain mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.3: Establishment Agriculture Holding for Other Crop by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Telang Usan	-	.
Gedong	-	.
Sebuyau	-	.
Siburan	-	.
Pantu	-	.
Lingga	-	.
W.P. Kuala Lumpur	33	2.46
W.P. Labuan	2	0.15
W.P. Putrajaya	2	0.15

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

- 1. Analisa pada 28 Mei 2025**
- 2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian**

*** Notes:**

- 1. Analysis as at 28 May 2025**
- 2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside**

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Lain mengikut Negeri dan Kewarganegaraan , Malaysia, 2023
Table 2.0: Agriculture Holding for Other Crops by State and Citizenship , Malaysia, 2023

